

PERINTIS-PERINTIS SENI LUKIS MALAYSIA
PIONEERS OF MALAYSIAN ART



Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bersama potret Almarhum Tunku Abdul Rahman Al-Haj yang dilukis oleh Dato' Mohd. Hoesein Enas

Prime Minister, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad poses below the late YTM Tunku Abdul Rahman Al-Haj's portrait painted by Dato' Mohd. Hoesein Enas

Didedikasikan kepada Almarhum YTM Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj
Dedicated to the late YTM Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj



Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj di majlis perasmian pameran seni APS di British Council, Kuala Lumpur, 1964.

The late YTM Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj at the opening of APS art exhibition at the British Council, Kuala Lumpur 1964.



Mohd. Hoesein Enas sedang melukis potret Tunku di Savoy Hotel, London, 1960
Mohd. Hoesein Enas painting Tunku's portrait at Savoy Hotel, London, 1960

PERINTIS-PERINTIS SENI LUKIS MALAYSIA
PIONEERS OF MALAYSIAN ART

Dr Tan Chee Khuan

Penaja Utama
Main Sponsor



Syarikat-syarikat Shell di Malaysia
Shell Companies in Malaysia

PERINTIS-PERINTIS SENI LUKIS MALAYSIA
PIONEERS OF MALAYSIAN ART

Teks Bahasa Melayu oleh Tan Chien Li
Bahasa Melayu Text by Tan Chien Li

© Dr Tan Chee Khuan, P.K.T., P.J.K.
The Art Gallery
7 Jalan Gottlieb, 10350 Pulau Pinang
Tel : 04-368219
7 Gottlieb Road, 10350 Penang
Tel : 04-368219

1994 Hak Cipta Terpelihara
All Rights Reserved

ISBN 983-9018-07-8

Jurugambar / Photographer — Song Jin Tek
Rekabentuk / Design Layout — Dr. Tan Chee Khuan
Pengasingan Warna / Colour Separation — Laserscan Sdn Bhd
Dicetak oleh / Printed by — Practical Printers Sdn Bhd

Kulit / Cover — Fung Yow Chork (1992)
Perayaan Tanglung / Lantern Festival
Kaligrafi/Calligraphy by Dr. Tan Chee Khuan

KATA PENGANTAR

Sebagai seorang yang telah sekian lama menceburkan diri dalam bidang pendidikan, saya berasa amat sukacita untuk menulis kata pengantar di dalam buku ini yang bertujuan untuk meningkatkan lagi pelajaran dan pendidikan kesenian di Malaysia. Minat saya dalam bidang kebudayaan memang tidak dapat dinafikan terutamanya dalam bidang seni halus. Semasa tempoh perkhidmatan saya sebagai Naib-Canselor Universiti Sains Malaysia dari tahun 1976 sehingga tahun 1982, saya telah berpeluang untuk menubuhkan sebuah muzium dan galeri lukisan dengan jayanya di universiti tersebut.

Saya difahamkan bahawa buku ini berasaskan katalog yang telah dikeluarkan oleh Dr. Tan Chee Khuan, khususnya untuk pameran 'Pelukis-Pelukis Perintis Malaysia' yang telah diadakan bersempena dengan majlis Hari Jadi saya pada bulan Julai, 1992. Lukisan-lukisan yang telah dipamerkan ketika itu sangat indah dan menarik sekali, dan saya difahamkan bahawa buku ini akan mengandungi lebih banyak lukisan lagi yang mempunyai kepentingan sejarah.

Buku ini memberi penghormatan dan penghargaan kepada 12 orang pelukis Malaysia yang boleh dikatakan perintis dalam bidang lukisan di Malaysia. Sebagai seorang yang berasal dari Pulau Pinang, saya sangat berbangga dan sukacita untuk mengetahui bahawa daripada 12 orang pelukis tersebut, 9 orang berasal atau bermastautin di Pulau Pinang. Ini jelas menunjukkan bahawa Pulau Pinang sudah terkenal sebagai sebuah Pusat Kesenian yang terawal dan terulung di Malaysia.

Saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada Dr. Tan kerana usahanya yang cemerlang bagi menerbitkan buku ini dan saya berharap beliau akan terus berusaha dengan gigihnya untuk mengeluarkan banyak buku lagi pada masa hadapan. Saya ucapkan selamat maju jaya.

FOREWORD

As an educationist at heart, I am pleased to write a foreword for this book which serves to promote art education in Malaysia. I have always been interested in culture especially the fine arts. During my tenure as the Vice-Chancellor of Universiti Sains Malaysia from 1976 to 1982, I had the happy privilege of setting up the USM museum and art gallery.

I understand that this book is based on the catalogue that Dr. Tan Chee Khuan produced for the 'Pioneer Artists of Malaysia' exhibition which was held in conjunction with my birthday celebration in July 1992. I enjoyed the paintings very much and I am glad to know that this book will include many more paintings of historical interest.

This book pays tribute to 12 Malaysian artists who pioneered the art tradition in Malaysia. Being a Penangite, I am pleased to note that out of the 12 artists, 9 originated or had settled in Penang, which reflects the prominence of Penang as the earliest and leading art centre in Malaysia.

I congratulate Dr. Tan for this splendid effort in producing this book and I look forward to see more of his publications in future. I wish him every success.

Hamdan Sahir
**(TUN DATO' SERI (DR.) HAJI HAMDAN
BIN SHEIKH TAHIR)
YANG DI-PERTUA NEGERI,
PULAU PINANG.**

Penerbitan-penerbitan lain oleh Dr Tan Chee Khuan (diterbitkan oleh The Art Gallery, Pulau Pinang kecuali jika dinyatakan sebaliknya)

Other books by Dr Tan Chee Khuan (published by The Art Gallery, Penang unless stated otherwise)

Emergencies and First Aid, 1985. Published by Penang Medical Practitioners' Society (Penyunting/Editor)

Stress and Mental Health in Society, 2nd Edition 1986. Published by Heinemann Asia Ltd, Singapore

The Book of the Orang-Utan, 1990

Paintings and Calligraphy by He Jidu, 1990

The Art of Tan Changrong, 1991

Penang Artists — 1920's to 1990's, 2nd Edition, 1992

Tan Choon Ghee Retrospective, 1992

Pioneer Artists of Malaysia, 1992

Tan Peng Hooi — Oil Paintings, 1993



مَنْتَرِي كِبُو دَا بَا نْ كَسْنِيَان دَان قَالِيُو شَرِه مَلِيْسِيَا

**MENTERI KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN PELANCONGAN
MALAYSIA**

MESEJ

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada Dr Tan Chee Khuan di atas usahanya menerbitkan buku 'Perintis-Perintis Seni Lukis Malaysia' ini.

Inisiatif yang diambil oleh Dr Tan untuk menerbitkan buku ini bukan sahaja akan memupuk minat para pencinta seni tetapi juga menyediakan bahan-bahan rujukan untuk pelajar-pelajar di sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi. Di samping itu, buku ini juga akan menyemai kesedaran dan minat demi perkembangan tradisi seni lukis tanahair kita.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan selamat maju jaya kepada Dr Tan dan The Art Gallery dalam segala ikhtiar mereka.

Sekian.

DATO SABBARUDDIN CHIK
MENTERI KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN
PELANCONGAN
MALAYSIA

MESSAGE

I would like to take this opportunity to congratulate Dr Tan Chee Khuan for his effort to produce this publication 'Pioneers of Malaysian Art'

The initiative taken by Dr Tan to produce this publication will not only create interest among art lovers but also provide reference materials for art students in the secondary schools and institutions of higher learning. In addition, a book of this nature will certainly serve as a means of creating awareness and interests for the development of the art tradition in the country.

May I wish Dr Tan and The Art Gallery all the best in their future endeavours.

Thank you.

DATO SABBARUDDIN CHIK
MINISTER OF CULTURE, ARTS AND TOURISM
MALAYSIA



YTM TUNKU ABDUL RAHMAN

Cat Minyak oleh Dato' Mohd Hoesein Enas.
Oil on Canvas by Dato' Mohd Hoesein Enas



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

MESEJ

Saya berasa sangat gembira kerana dapat dihubungkan dengan penerbitan buku 'Perintis-Perintis Seni Lukis Malaysia' ini. Buku ini merupakan contoh yang baik tentang sumbangan yang dapat diberi oleh individu-individu ataupun syarikat-syarikat untuk menambahkan koleksi buku keputakaan negara. Masih terdapat kekurangan bahan bacaan yang baik tentang seni Malaysia dan saya rasa Dr. Tan patut diberi ucapan tahniah kerana berjaya memenuhi kekosongan ini.

Buku ini juga sejajar dengan dasar Kementerian Pendidikan untuk menggalakkan pelajar-pelajar kita supaya lebih meminati kesenian dan kebudayaan tanahair. Bahan-bahan yang dipersembahkan dalam buku ini sesuai untuk penggunaan para pelajar sekolah menengah terutamanya mereka yang akan mengambil Sijil Pelajaran Malaysia (S.P.M.) dan perlu mengkaji sejarah seni Malaysia. Buku ini juga sangat berguna kepada mereka yang sedang menuntut di kolej-kolej seni serta institusi-institusi pendidikan tinggi yang lain dan ingin mengetahui secara lebih mendalam tentang pelukis-pelukis perintis kita yang telah memberi sumbangan besar kepada perkembangan tradisi seni di Malaysia.

Sekian. Terima kasih.

(DATUK AMAR DR. SULAIMAN HAJI DAUD)
MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA


MESSAGE

I am very pleased to be associated with the publication of this book, 'Pioneers of Malaysian Art'. It is a fine example of the contribution that can be offered by private individuals or companies to increase the collection of books on national literature. There is a dearth of reading materials on Malaysian art and Dr. Tan should be congratulated for filling in the void.

This book is also in line with the Ministry of Education's policy of encouraging our students to be more interested in the art and culture of our country. The materials presented in the book are suitable for the use of secondary school students, especially those students taking the Sijil Pelajaran Malaysia (S.P.M.) who need to study Malaysian art history. It is also useful for students studying in the colleges of art and other institutions of higher learning who would like to know more about the pioneer artists who had rendered great contributions in the building of the art tradition in Malaysia.

Thank you.

(DATUK AMAR DR. SULAIMAN HAJI DAUD)
MINISTER OF EDUCATION MALAYSIA



BAPA TANAH AIR KITA
FATHER OF OUR NATION

*Arca Kapur Paris. Oleh Lee Cheng Yang
Plaster of Paris by Lee Cheng Yang*



MESEJ PENAJA

Syarikat-syarikat Shell di Malaysia berasa amat bangga kerana dapat menaja buku yang cemerlang ini - satu penyusunan bermutu tentang karya-karya terpilih 12 orang perintis seni lukis terulung negara yang telah menyumbang ke arah kemajuan dan perkembangan tradisi seni di Malaysia.

Sememangnya satu kegembiraan dan penghormatan bagi pihak kami di Shell untuk memberi sokongan korporat kepada suatu ikhtiar yang kami percaya akan mengilhami rakyat Malaysia yang berbakat artistik, terutamanya pemuda-pemudi, supaya mengikut jejak para perintis.

Para pelukis amat dihargai oleh masyarakat kita kerana hasil-hasil mereka mencerminkan nilai-nilai murni, gaya hidup serta alam sekitar kita mengikut perspektif sejarah dan kebudayaan. Dalam berbagai-bagai pengungkapannya, seni juga memelihara cerapan kehidupan dan zaman seseorang individu.

Melalui titik peluh penulisnya Dr. Tan Chee Khuan, buku 'Perintis-Perintis Seni Lukis Malaysia' merupakan satu sumbangan kepada warisan tanahair yang amat dialu-alukan kerana manfaatnya yang besar kepada generasi Malaysia pada masa ini dan juga pada masa yang akan datang.

DATUK CJ KNIGHT
Pengerusi & Ketua Eksekutif
Syarikat-syarikat Shell di Malaysia.

SPONSOR'S MESSAGE

Shell Companies in Malaysia is proud to extend its sponsorship to this excellent book - a quality compilation of the selected works of 12 top, pioneer artists who have contributed significantly to the development of an art tradition in Malaysia.

It is indeed a pleasure and honour to lend our corporate patronage to an initiative which we believe will inspire artistically talented Malaysians, especially the young, to emulate the pioneers.

Artists are valued members of our society because their works reflect Malaysian values, lifestyles and environment set in historical and cultural perspectives. In its various expressions, art also preserves the individual's impressions of his life and times.

Through the fine effort of its author Dr Tan Chee Khuan, 'Pioneers of Malaysian Art' is a most welcome contribution to national heritage, for the immense benefit of generations of Malaysians present and future.

DATUK CJ KNIGHT
Chairman & Chief Executive
Shell Companies in Malaysia



BANK NEGARA MALAYSIA

KATA-KATA ALUAN

Saya berasa gembira kerana diberi peluang untuk menulis di dalam buku perintis-perintis seni lukis Malaysia ini yang dikeluarkan tepat pada masanya. Pertama sekali, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Dr Tan Chee Khuan atas daya usaha beliau untuk menghasilkan buku seni yang berharga ini. Saya mengerti bahawa terdapat hanya sebilangan kecil sahaja buku seni mengenai seni Malaysia dan buku 'Modern Artists of Malaysia' [ditulis oleh Sabapathy dan Piyadesa] pula bertarikh 1983. Sejak itu, Bank Negara Malaysia telahpun menerbitkan sebuah buku "coffee table" yang memaparkan lukisan-lukisan di dalam koleksi utamanya, walaupun beberapa institusi swasta lain juga telah memperoleh lukisan-lukisan. Ini diikuti pula dengan buku para pelukis Pulau Pinang setebal 300 muka yang ditulis oleh Dr. Tan.

Seni kontemporari Malaysia boleh dikesan kembali sejak awal tahun 1930-an. Merangkumi jangka masa 60 tahun, ia telah benar-benar berkembang dan mencapai tahap yang tinggi. Negara Malaysia telah menghasilkan ramai pelukis berbakat yang telahpun menerima pengiktirafan antarabangsa. Walaupun terdapat pertambahan bilangan pelukis dan sekolah seni di kolej serta universiti, saya dapati bahawa masih terdapat kekurangan buku-buku mengenai seni Malaysia dan pelukis-pelukis Malaysia. Saya sedar bahawa buku-buku seni berkualiti mahal untuk dihasilkan dan tidak mudah untuk dijual. Seperti barangan hasil baru yang lain, pasarannya mestilah dididik dan digalakkan. Namun demikian, pelukis-pelukis seperti juga ahli-ahli sejarah merupakan

pengkritik sosial terhadap pembangunan nasional dan hal-hal urusan awam; melukiskan isi hati mereka di atas kanvas dan dalam bentuk seni yang lain. Dalam isi kandungan sesebuah buku seni, terdapat maklumat yang berguna dan pemahaman yang bernilai tentang cara hidup orang Malaysia serta warisan kebudayaan mereka.

Buku ini memberi tumpuan kepada 12 orang perintis seni lukis Malaysia. Ia menggambarkan sumbangan penting kepada tradisi seni di Malaysia dan dapat dijadikan rujukan pelajar-pelajar seni dan pencinta-pencinta seni. Kini, dengan keasyikan seni komputer dan pop, tidak banyak yang benar-benar diketahui tentang tokoh-tokoh seniman awal yang bertanggungjawab terhadap tradisi seni kumpulan impresionis dan ekspresionis abstrak. Kebanyakan karya para tokoh ini disimpan di tempat kediaman pengumpul individu dan juga di galeri-galeri. Oleh sebab orang ramai tidak berpeluang menghayati karya-karya asli mereka, buku ini dapat berfungsi sebagai satu bahan rujukan sekunder. Hakikat persembahan buku ini dalam dua bahasa akan menjamin pembacaan yang lebih meluas.

Memandang ke masa hadapan, saya berharap bahawa lebih ramai individu yang bersemangat dan institusi korporat akan tampil untuk mengangjur dan menyebarkan seni lukis dan bentuk seni yang lain termasuklah penerbitan hasil-hasil seni. Akhir kata, saya ucapkan selamat sejahtera kepada Dr Tan dan berharap agar bukunya akan dihayati oleh para pelajar seni serta pencinta seni.

TAN SRI DATO' DR LIN SEE-YAN
Timbalan Gabenor



BANK NEGARA MALAYSIA

FOREWORD

I am delighted to have the opportunity to write about this timely book on pioneer artists of Malaysia. First, I should congratulate Dr Tan Chee Khuan for a commendable effort in producing this valuable art book. I understand that there are less than a handful of good books on Malaysian art and the book 'Modern Artists of Malaysia' (written by Sabapathy and Piyadesa) was dated 1983. Since then, Bank Negara Malaysia has published a "coffee table" book on the paintings in its core collection although several public institutions have also acquired paintings. This was followed by Dr Tan's 300-page book on Penang Artists.

Malaysian contemporary art can be traced back to the early 1930's. Over a period of 60 years, it has really developed and I should say attained a high standard of achievement. Malaysia has produced a number of talented artists, many of whom have attained international prominence. Despite the rapid increase in the number of artists as well as art schools in colleges and universities, I note with some concern the scarcity of books on Malaysian art and artists. I do realise that quality art books are expensive to produce and not easy to sell. Not unlike other new products, the market needs to be nurtured and promoted. And yet, artists like historians are social commentators of national developments and matters of public concern, depicting their

thoughts on canvas and other art forms. Within the pages of art books are a treasure of useful information, valuable insights into the way of life of the Malaysian people and their cultural heritage.

This book focuses on 12 pioneer artists. It represents a significant contribution on the art traditions in Malaysia and serves as a useful reference for art students and art lovers. With the present day preoccupation with pop and computer art, not much is really known of the early masters, who were responsible for the art traditions of the impressionist and abstract expressionist groups. The works of these masters are largely in the homes of private collectors and galleries. Since the art public is deprived of the chance to view their original works, this book serves as a secondary source of reference. The fact that the book is presented in two languages will ensure access to a wide readership.

Looking ahead, I hope that more spirited individuals and corporate institutions will emerge to sponsor and promote art and the art form, including the publication of art works. My best wishes go to Dr Tan and I hope that his book will be well received by both art students and art lovers.

TAN SRI DATO' DR LIN SEE-YAN
Timbalan Gabenor

Kebanyakan orang Malaysia mengenali nama Vincent Van Gogh dan lukisan bunga matahari beliau walaupun mereka bukan pengumpul karya seni. Namun demikian hanya segelintir rakyat Malaysia, kebanyakannya pengumpul lukisan tempatan yang serius, dapat mengecam catan air Mr Abdullah Arif yang gunggupn beliau diktrif sebagai salah seorang perintis seni lukis tanahair. Dari segi nilai, *masterpiece* barat seperti karya Van Gogh yang bertajuk '*Portrait of Dr. Gachet*' pernah dilelong pada harga RM222 juta (US\$82.5 juta) oleh *Christie's* pada bulan Mei 1990 manakala catan cat minyak Mun Sen yang baik jarang-jarang menjangkau harga RM100,000. Oleh itu jelasnya kurang terdapat penghargaan dan kesedaran tentang hasil karya perintis-perintis seni lukis kita.

Pada masa ini, terdapat beberapa buah buku yang memaparkan pelukis-pelukis kontemporari dan moden di Malaysia Walau bagaimanapun, sehingga kini, tiada buku yang ditulis tentang para pelukis perintis ataupun pelukis generasi pertama di Malaysia. Buku '*Contemporary Artists of Malaysia*' oleh Dolores Wharton (diterbitkan pada tahun 1971) adalah satu contoh yang langsung tidak menyebut nama-nama tokoh awal seni lukis yang terkenal seperti Abdullah Arif, Khaw Sia, Kuo Ju Ping, Lee Cheng Yong atau Yung Mun Sen, apabila menyentuh tentang pengaruh dan perkembangan seni kontemporari Malaysia.

Lantaran itu, buku ini ditulis dengan tujuan membetulkan perkara yang telah ditinggalkan itu dan untuk mengesan sumbangan para perintis seni lukis serta memberi penghargaan kepada mereka supaya pelukis-pelukis kini, pelukis-pelukis generasi yang akan datang dan juga para pelajar serta khalayak ramai akan berpeluang menghayati karya-karya mereka. Hasil-hasil seni mereka semakin berkurangan kerana dibeli oleh orang asing terutamanya ekspatriat yang bekerja di Malaysia dan menghargai nilai pelaburan serta nilai estetiknnya. Saya telah pun memutuskan untuk mendokumentasikan hasil-hasil mereka dalam bentuk buku ini sebagai sumbangan kecil saya terhadap warisan nasional kita sebelum ia hilang untuk selamanya.

Saya telah memilih 12 orang pelukis tempatan yang saya anggap cukup berbakti untuk diberi gelaran perintis seni lukis Malaysia. Dasar pemilihan saya termasuk syarat bahawa pelukis-pelukis tersebut mestilah berbangsa Malaysia yang telah tinggal di Malaysia untuk kebanyakan tempoh hayatnya, pernah mempamerkan hasil-hasil mereka di pameran-pameran awam sebelum tahun 1957 (tahun kemerdekaan kita daripada belenggu Empayar Kolonial British) dan terus berproduktif dari segi artistik sehingga akhir hayatnya.

Pada pendapat saya, 12 orang pelukis yang dipilih ini telah banyak berjasa dan telah menolong memperkembangkan tradisi seni di Malaysia. Yung Mun Sen diktrif sebagai Bapa Seni Lukis Malaysia (beliau merupakan pelukis ikhtis yang pertama), Mohd. Hoesein Enas sebagai Bapa Seni Potret dan Chuah Thean Teng sebagai Bapa Seni Batik.

Bukanlah niat saya untuk sekadar menunjukkan *masterpiece* setiap pelukis. Sebaliknya, saya telah cuba menerbitkan lukisan-lukisan setiap pelukis sebanyak yang boleh saya dapati tanpa mengira sama ada ia merupakan karya unggul atau karya picisan, hasil lama maupun hasil terkini, dan karya yang dihasilkan semasa sakit temat serta semasa dalam keadaan sihat walafiat. Saya lebih suka merekodkan seluruh hasil pengeluaran artistik setiap pelukis secara pasif dan membenarkan pembaca untuk membuat kesimpulan dirinya tentang merit artistik setiap pelukis. Pengumpul seni yang serius dan penuntut seni pula dapat mengesani kemajuan dan kematangan perkembangan teknikal setiap pelukis.

Beberapa lukisan terutamanya karya-karya awal mungkin boleh dikatakan ala sederhana sahaja mengikut standard hari ini dan beberapa pelukis kontemporari berbak mengatakkan yang mereka dapat melukis dengan lebih baik. Namun kita mesti mengambil kira tentang suasana kesenian dan kewujudan bahan-bahan lukisan serta buku-buku seni pada masa itu. Mereka patut dihormati kerana usaha rintisan mereka dalam seni lukis pada suatu masa apabila kebanyakan orang hanya asyik mengejar wang untuk hidup. Sedemikian, para Impresionis Perancis, yang menghasilkan catan yang seringkali terlalu mudah, kadangkala hampir-hampir kenafian, telah dikutuk oleh pengganti-pengganti mereka tetapi mereka masih kekal sebagai salah satu kuasa liberal yang paling penting dalam sejarah seni.

Beberapa hasil karya Mun Sen dan Cheng Yong yang kurang baik umpamanya begitu berbeza sekali daripada karya unggul mereka sehinggakan karya-karya ini mungkin disalahangap sebagai lukisan palsu. Sebaliknya, *masterpiece* mereka begitu cemerlang sehinggakan pelukis-pelukis kontemporari tidak dapat mendekati tahap mereka.

Lukisan yang telah digunakan dalam buku ini adalah kepunyaan ramai pengumpul seni yang berlainan. Sebilangan daripada mereka tidak ingin dikenali. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada mereka kerana sudi meminjamkan lukisan mereka untuk tujuan fotografi. Tahun lukisan-lukisan itu disiapkan juga dicatatkan dalam buku ini sekiranya ia diketahui. Dimensi lukisan dinyatakan dalam sentimeter dengan ketringgiannya disebut dahulu diikuti dengan lebarannya.

Akhir kata, saya ingin merakamkan penghargaan saya kepada penaja, Syarikat-Syarikat Shell di Malaysia kerana bantuan kewangan mereka untuk mengurangkan kos penerbitan buku ini.

Tan Chee Khuan

DR. TAN CHEE KHUAN

PREFACE

Most Malaysians will be familiar with the name of Vincent Van Gogh and his paintings of sunflowers even though they may not be art-collectors. However very few Malaysians, unless they are serious art enthusiasts, will recognise the delightful watercolours of Abdullah Arif even though he is one of the pioneer artists or first generation artists of Malaysia. In terms of value, a western masterpiece such as Van Gogh's 'Portrait of Dr. Gache' had fetched RM222 million (US\$82.5 million) at Christie's in May 1990 whereas an excellent oil painting of Yong Mun Sen can hardly realise a price of RM100,000. There is thus a lack of awareness and appreciation for the works of our local masters.

There are presently available in the market, several books on modern and contemporary artists of Malaysia. However, up to now, there is no book written about the pioneer artists or first generation artists of Malaysia. The book 'Contemporary Artists of Malaysia' by Dolores Wharton (published in 1971) is a good example as it makes no mention at all of famous pioneer artists like Abdullah Arif, Khaw Sia, Kuo Ju Ping, Lee Cheng Yong or Yong Mun Sen, when reviewing the influences and development of contemporary Malaysian art.

This book is therefore written primarily to address this omission and to trace the contribution of these pioneer artists and honour them, so that the present and future generations of Malaysian artists as well as art students and the general public will have the opportunity to study their works. The art works of these pioneer artists, who are our Malaysian equivalents of Van Gogh, Cezanne, Gauguin and other old masters, are becoming scarce as they are being readily acquired by foreigners, especially expatriates working in Malaysia, who recognise their aesthetic and investment value. I have decided to document their works in the form of this book as my modest contribution towards our national heritage before they are lost to posterity.

I have selected 12 local artists whom I would consider to merit being designated as the pioneer artists of Malaysia. The criteria for selection include the conditions that the artists must be Malaysian citizens born before 1925, who have stayed in Malaysia for most of their lives, have exhibited their works at public exhibitions before 1957 (the year of our independence from the British Colonial powers) and have continued to be artistically productive till the end of their lives.

These 12 selected artists have, in my opinion, contributed significantly towards the development of an art tradition in Malaysia. Yong Mun Sen is widely acknowledged as the Father of Malaysian Painting, (being the first full-time professional artist),

Mohd. Hoessein Enas as the Father of Portrait Painting and Chuah Thean Teng as the Father of Batik Painting.

It is not my intention to show only the masterpieces of each artist. Instead, I have reproduced as many of each artist's paintings as I can get my hands on, regardless of whether they are superb or poor works, early or recent works, and works which were produced in sickness and in health. I prefer to record passively the whole range of each artist's artistic output and allow the reader to come to his conclusions about each artist's artistic merit. The serious art collector and art student can trace the evolution and maturation of the technical development of each artist.

Some of the paintings, especially the early works of several pioneer artists may be considered mediocre by today's standard and some contemporary artists may quite justifiably declare that they can paint better. However, we must consider their works in the light of the artistic environment at that time and the availability of art materials and books. They should be respected for their pioneering efforts in painting at a time when most other people were concerned about making money for a living. Similarly, the French Impressionists, whose paintings were often simplistic, sometimes verging on naive, were criticised by their successors but they remain one of the most important liberating forces in the history of art.

Some of the poorer works by Mun Sen and Cheng Yong for example are so different from their superb works that they may be mistaken for fakes. On the other hand, their masterpieces are of such high standard that none of our contemporary artists can come close to their standard.

The paintings reproduced in this book belong to many private art collectors, several of whom prefer to remain anonymous. I wish to thank all of them for loaning their paintings for photography. The year of each painting reproduced in this book is recorded as far as it is known. The dimensions of the paintings, if available, are stated in centimetres, and height precedes width.

Finally I wish to thank the sponsor, the Shell Group of Companies for their generous grant to help defray the cost of this publication.



TAN CHEE KHUAN

PENGHARGAAN

Dalam penyelenggaraan buku ini sepanjang masa lima tahun, saya terhutang budi kepada beberapa individu kerana mereka telah membantu saya mengenali serta mengesan beberapa lukisan yang ada terutamanya Dr. Tan Chong Guan, Encik Khor Seow Loon, Encik Sonny Khor, Encik Chong Hong Fatt, Encik Frankie Lee, Encik Vincent Sim dan Encik Tan Chiang Kiong.

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Puan Susie Koay, Kurator Balai Seni Lukis Muzium Negara Singapura, Brother Joseph McNally, Profesor Madya Dr. Chew Teng Beng, Encik Ooi Kok Chuen dan akhbar The New Sunday Times atas sumbangan mereka.

Saya juga sangat berterima kasih kepada para kolektor termasuklah Muzium Singapura dan Balai Seni Lukis Negara, Kuala Lumpur kerana sudi meminjamkan lukisan mereka untuk tujuan fotografi. Saya turut berterima kasih kepada Yahong Art Gallery, Pulau Pinang yang membenarkan saya mencetak semula gambar-gambar foto Encik Chuah Thean Teng dan lukisan-lukisan beliau. Saya berterima kasih kepada semua pelukis dan keluarga mereka atas kerjasama mereka.

Setinggi-tinggi penghargaan perlu ditujukan juga kepada anak saya, Chien Li atas usahanya menyediakan teks Bahasa Melayu dan isten saya, Siau Bian atas bantuannya dalam penyediaan manuskrip.

Akhirnya, saya juga ingin merakamkan penghargaan saya kepada Cik Yeoh Liew Mei, Encik Ooi Eng Lye, Encik Haji Shaik Abdullah Hassan dan Encik Loh Chee Heng atas usaha mereka membaca dan meneliti prof. Namun, sebarang kesilapan yang mungkin wujud adalah tanggungjawab saya sepenuhnya.

ACKNOWLEDGEMENTS

In my preparation for this book over the past five years, I am indebted to various people who have helped me to identify and trace some of the paintings especially Dr. Tan Chong Guan, Mr. Khor Seow Loon, Mr. Sonny Khor, Mr. Chong Hong Fatt, Mr. Frankie Lee, Mr. Vincent Sim and Mr. Tan Chiang Kiong.

I wish to thank Miss Susie Koay, Curator of the National Museum Art Gallery Singapore, Brother Joseph McNally, Associate Professor Dr. Chew Teng Beng, Mr. Ooi Kok Chuen and The New Sunday Times for their contributions.

I am grateful to all the collectors, including Singapore Museum and National Art Gallery, Kuala Lumpur for the loan of their paintings for photography. I wish to thank Yahong Art Gallery, Penang for permission to reproduce photographs of Mr. Chuah Thean Teng and his paintings. I wish to thank all the artists and their families for their kind cooperation.

Special thanks are due to my son, Chien Li for providing the Bahasa Melayu text and my wife, Siau Bian for helping with the manuscript.

Finally, I wish to record my appreciation to Miss Yeoh Liew Mei, Mr. Ooi Eng Lye, Encik Haji Shaik Abdullah Hassan and Mr. Loh Chee Heng for proof-reading. However, any errors that may exist are entirely my responsibility.

Mr. Lee Kok Thiam of Practical Printers Sdn Bhd had been extremely helpful and patient with the numerous revisions of my manuscript. I wish to record my sincere appreciation.

KANDUNGAN / CONTENTS

	Muka Surat / Page
Perkembangan Seni Lukis Di Malaysia dan Singapura	20
<i>Development of Art in Malaysia and Singapore</i>	29
Pelukis - Pelukis Singapura — Beberapa Pemerhatian Tentang Pelukis Generasi Pertama Oleh Susie Koay	34
<i>Singapore Artists — Some Observations On The First Generation By Susie Koay</i>	39
Pelukis-Pelukis Perintis Dan Seni Mereka. Oleh Dr. Chew Teng Beng	51
<i>The Pioneer Artists And Their Art. By Dr. Chew Teng Beng</i>	53
Yong Mun Sen	(1896-1962) 56
Yong Mun Sen. Oleh Brother Joseph McNally	61
<i>Yong Mun Sen. By Brother Joseph McNally</i>	70
Lee Kah Yeow	(lahir/born 1901) 112
Abdullah Ariff	(1904-1962) 126
Kuo Ju Ping	(1908-1966) 138
Jiwa Malaya Lama. Oleh Ooi Kok Chuen	141
Essence of Old Malaya. By Ooi Kok Chuen	143
Tay Hooi Keat, Datuk	(1910-1989) 165
Lee Cheng Yong	(1913-1974) 178
Khaw Sia	(1913-1984) 209
Chuk Mor	(lahir/born 1913) 230
Chuah Thean Teng	(lahir/born 1914) 242
Fung Yow Chork	(lahir/born 1918) 272
Zakariah Noor	(lahir/born 1924) 296
Mohd Hoessein Enas, Dato'	(lahir/born 1924) 310
Seni Untuk Hidup Dan Hidup Untuk Seni. Oleh Ooi Kok Chuen	314
<i>Art of Life And Life of Art. By Ooi Kok Chuen</i>	317
Lampiran / <i>Appendix</i>	346
Glosari / <i>Glossary</i>	352
Indeks / <i>Index</i>	356
Penghargaan Fotografi / <i>Photographic Credits</i>	358

PERKEMBANGAN SENI LUKIS DI MALAYSIA DAN SINGAPURA

Persekutuan Malaysia yang ditubuhkan pada 16 September 1963 terdiri daripada Wilayah-wilayah Borneo (Sarawak dan Borneo Utara, kini dikenali sebagai Sabah), Persekutuan Tanah Melayu serta Singapura. (yang berpisah pada tanggal 9 Ogos 1965 untuk menjadi sebuah republik). Sebelum Malaysia mencapai kemerdekaan daripada Empayar Kolonial British pada tilmangsa 31 Ogos 1957, ia mempunyai satu perhubungan yang rapat dengan Singapura. Oleh itu, wujudlah banyak pertukaran adat, gaya hidup dan seni serta kebudayaan di antara kedua-dua negara tersebut. Lantaran itu, jelaslah bahawa sesuatu perbandingan tentang seni Melayu sebelum tahun 1965 patut melibatkan Singapura juga.

Tidak banyak yang diketahui tentang tradisi seni lukis di gugusan kepulauan Melayu sebelum kedatangan penjajah Inggeris. Kemungkinan wujudnya suatu latar belakang seni lukis di rantau ini dikukuhkan dengan kehadiran tradisi seni di Negara Thai dan Indonesia khususnya seni lukis Bali. Jadi, kemahiran seni lukis kelihatan seakan-akan telah luput pada suatu ketika sepanjang masa itu.

Walaupun Malaysia tidak mempunyai latarbelakang seni lukis tradisional mahupun seni lukis keagamaan seperti kuil-kuil Angkor Wat di Kampuchea atau Borobudur di Jawa, namun terdapat beberapa bentuk seni tradisional yang mempengaruhi seni kontemporari Malaysia. (Wharton, 1971) Contoh-contoh yang ketara ialah rekabentuk ukiran kayu pada sampansampian Melayu di sepanjang pantai Timur dan pawagam wayang kulit yang memberi ilham kepada beberapa orang pelukis kontemporari. (misalnya, Nik Zainal Abidin)

Dengan kedatangan para pengembara dan penjajah Eropah bersama-sama pedagang-pedagang Cina ke rantau ini pada abad ke-18, seni lukis telah muncul semula. Pengembara-pengembara Eropah dan Inggeris dipercayai telah meminta para pelukis Negeri-Negeri Selat (sama ada daripada keturunan Cina atau Melayu) melukis gambaran kehidupan tempatan, flora dan fauna, baik untuk keseronokan mahupun sebagai rekod bersejarah. Banyak lukisan ini ditempah oleh pegawai-pegawai Syarikat Hindia Timur yang ditempatkan di Malaya.

Pihak British telah memperkenalkan genre lukisan landskap dalam tradisi Turner dan Constable

serta Realisme zaman *Pre-Raphaelites*. Ini berterusan sehingga abad ke-19 apabila Seni Eropah terutamanya seni Perancis mula memberi kesannya kepada seluruh rantau dengan pergerakan-pergerakan seni seperti Impresionisme, Kubisme, Surealisme, Futurisme dan Konstruktivisme.

Selepas Perang Dunia Kedua, pusat seni telah beralih dari Paris ke New York. Para pelukis Amerika Syarikat pula memulakan pergerakan-pergerakan seni seperti *Action Painting*, Ekspresionisme Abstrak, Seni Pop, Seni Op, *Performance Art*, Minimalisme, Seni Konseptual dan lain-lain. Justeru itu, pelukis-pelukis tempatan yang pergi ke luar negeri terdedah kepada pelbagai pengaruh.

Sumbangan golongan Cina kepada alam seni lukis Malaysia-Singapura datangnya daripada pendatang-pendatang serta pelawat-pelawat Cina (seperti Xu Beihong yang bermastautin di Pulau Pinang untuk beberapa tahun dan berkunjung ke Singapura untuk suatu jangka masa) serta mereka yang menerima didikan dalam lukisan berus Cina dan kaligrafi di China.

Penghijrah-penghijrah awal dari China tidak mempunyai idaman yang besar selain mencari sara hidup. Kenikmatan seni halus terletak jauh daripada benak mereka. Hanya selepas mereka bertapak maju dan berjaya dalam kehidupan, barulah terdapat beberapa penghijrah yang mula menurut nafsu kreativiti artistik mereka untuk menjalani kehidupan yang lebih bermakna. Ada yang terabit dalam pendidikan seni dan ada pula yang menjadi pelukis amatir yang bermotivasi tinggi. Antara mereka yang mengecap kejayaan termasuk Lee Kah Yeow, Wang Yau, Rev. Chuk Mor, Rev. Pak Yuen, Chai Horng Chung, Chung Hong Kong dan Zhen Wei Sin. (Contemporary Malaysian - Chinese Painting, 1987)

Daripada maklumat yang didapati, boleh disimpulkan bahawa hanya pada awal tahun 1920-an sekali-sekali terdapat seorang pelukis yang tampil lalu mempamerkan hasil karyanya. Pameran seni lukis terawal yang dicatat di Singapura ialah pameran Lian Xiao Oh pada tahun 1924. Ini disusuli dengan pameran He Qui Qo pada tahun 1926 yang menunjukkan hasil-hasil pastelnnya. (Ma-Ke, 1963) Pada tahun 1935, sekumpulan pelukis di Singapura, kebanyakannya bekas penuntut tiga buah sekolah seni yakni Sekolah Seni Halus Shanghai,

Sekolah Seni Shanghai dan Universiti Seni Shanghai, telah menubuhkan *Salon Art Studies Society* (yang kemudian dinamakan semula sebagai Persatuan Pelukis-Pelukis Cina)

Persatuan ini memfokuskan perhatian kepada pelaksanaan pameran karya-karya pelukis asing, terutamanya hasil-hasil pelukis Hong Kong dan China selain memberi peluang kepada para pelukis tempatan untuk meluaskan pengalaman. Pameran tahunannya telah menjadi satu tradisi yang berterusan tanpa sebarang sekatian kecuali pada tahun-tahun peperangan (1942-45). Ramai ahlinya juga staf Akademi Seni Halus Nanyang yang diasaskan pada tahun 1938 oleh Pengetuanya, Lim Hak Tai.

Lim Hak Tai seorang yang berwawasan. Walaupun beliau seorang pelukis ternama, beliau mengambil kesempatan bukan untuk menjadi pelukis terulung tetapi untuk menjadi mangkin yang memperkembangkan kesenian dengan menubuhkan institusi yang pertama dan paling bertahan di Singapura. Di antara pelukis-pelukis terkenal dalam staf guru institusi ini ialah Cheong Soo Pieng, Georgette Chen Li Ying, Chen Wen Hsi dan Chen Chong Swee. Para pelukis ini telah tiba di Singapura selepas Perang Dunia Kedua. Mereka dilatih di akademi-akademi seni di Shanghai, Kanton dan Amoy serta didedahkan kepada pengaruh modenis Aliran Paris (*School of Paris*). Mereka adalah di kalangan pelukis paling canggih yang bekerja di Malaya dan di Singapura pada masa itu. Pelukis-pelukis Nanyang memainkan peranan yang besar dalam perkembangan tradisi seni moden di Malaysia dan Singapura melalui aktiviti-aktiviti mereka. Mereka terkenal kerana ikhtiar mereka untuk menggabungkan tradisi Barat dan Timur dalam hasil-hasil mereka, yang kemudiannya dikenali sebagai *gaya Nanyang*.

Pada tahun 1952, Cheong Soo Pieng, Chen Chong Swee, Chen Wen Hsi dan Liu Kang berkunjung ke Bali dan kembalinya mengelolakan satu pameran bertajuk '*Empat Pelukis Ke Bali*' - yang menyebabkan penciptaan lukisan jenis susuk badan yang dapat dikaitkan dengan sang seniman Nanyang. (Sabapathy & Piyadesa, 1983). Pameran ini telah mendorong ramai pelukis tempatan (misalnya Khaw Sia) untuk membuat lawatan melukis ke Bali.

Liu Kang bukan seorang guru di Akademi Seni Halus Nanyang tetapi beliau tetap disanjung tinggi sebagai seorang pelukis yang cekap dan

juga kerana penglibatannya dalam Persatuan Pelukis-Pelukis Cina serta Persatuan Seni Singapura. Persatuan Seni Singapura ditubuhkan pada tahun 1949 oleh beberapa orang ekspatriat terutamanya Dr. Gibson-Hilly (yang pada masa itu mengetuai *Raffles Museum and Library*), Richard Walker (Penguasa Seni Sekolah-Sekolah Singapura), Francis Thomas (guru Sekolah St. Andrews), Suri Mohganip (pelukis tempatan) dan Liu Kang (yang juga Presiden persatuan tersebut).

Persatuan Seni Singapura mengadakan pameran-pameran dan aktiviti-aktiviti seni yang dibuka kepada semua pelukis tanpa mengira bangsa ataupun darjat, bukan sahaja di Singapura malah di luar negeri juga. Encik Walker, seorang pelukis mahir yang dididik dalam aliran Impresionisme telah melatih beberapa orang pelukis yang terkemuka. (Liu Kang, 1990) Di antara mereka, yang paling terkenal ialah Lim Cheng Hoe yang diiktiraf sebagai pelukis Singapura terunggul dalam media cat air. Lim juga telah memberi ilham serta menjadi mentor kepada golongan pelukis cat air generasi ini.

Seorang lagi pelukis yang penting dalam alam seni lukis Singapura ialah Lee Man Fong yang berhijrah ke Singapura dari Indonesia pada tahun 1967. Dilahirkan di Kanton, China pada tahun 1913, beliau berpindah ke Jakarta pada tahun 1932 dan bekerja sebagai seorang pelukis komersil. Pada tahun 1947, beliau diberi biasiswa kerajaan Belanda untuk menuntun kesenian di negeri Belanda. Kemudian, beliau dilantik sebagai Pelukis Istana Presiden oleh bekas Presiden, Sukarno. Pada tahun 1964 pula, beliau telah menyusun satu siri buku bermutu tinggi berjudul lima yang memaparkan koleksi seni Sukarno. Justeru itu, beliau mempunyai penghormatan sebagai seorang pelukis perintis di Indonesia dan juga di Singapura.

Di Pulau Pinang pula, besar kemungkinannya aktiviti-aktiviti seni yang awal bermula dengan pengasasan Pulau Pinang pada tahun 1786 oleh Sir Francis Light di bawah Syarikat Hindia Timur. Pada masa itu, Pulau Pinang dikenali sebagai *Prince of Wales Island*. Pelukis-pelukis Inggeris yang tinggal di Pulau Pinang gemar melukis pemandangan kelautan dan keindahan alam pulau ini. Namun demikian, terdapat kemungkinan bahawa para pelukis tempatan juga membekalkan lukisan-lukisan kepada para penaung Syarikat Perniagaan Eropah. (Tan, 1990)

Tradisi seni lukis moden boleh dikesan kembali sehingga kira-kira tahun 1920 semasa kumpulan *Penang Impressionists* ditubuhkan. Kumpulan ini terdiri daripada para ekspatriat Eropah (kebanyakannya sari rumahtangga Inggeris) dan dua orang pelukis tempatan, Puan Lim Cheng Kung dan Abdullah Ariff. Memandangkan sifat kolonialistik yang lazim pada masa itu, pelukis-pelukis tempatan Pulau Pinang tidak dibenarkan menyertai *Penang Impressionists*; Abdullah Ariff diterima dalam kumpulan ini kerana perkhidmatan beliau sebagai seorang pendidik seni diperlukan sementara Puan Lim pula isteri seorang jutawan yang dapat memberi sokongan kewangan. (Tay, 1986)

Tahun 1920 menandakan satu peringkat yang penting dalam sejarah seni lukis Pulau Pinang. Ia merupakan tahun Yong Mun Sen datang ke Pulau Pinang dari Singapura dan kemudian mendirikan studio seninya. Pelukis pertama yang mengadakan pameran seni lukis di Malaysia ialah Ooi Hwa yang telah mempamerkan karyanya di Pulau Pinang pada tahun 1927. Ooi Hwa dan Lee Cheng Yong mungkin pelukis-pelukis Pulau Pinang yang pertama pergi ke luar negeri untuk mempelajari seni di Akademi Seni Halus Shanghai.

Ooi Hwa melukis catan cat air Impresionistik dengan kesan-kesan cahaya yang kuat. Kebanyakan karya Lee Cheng Yong pula terdiri daripada catan minyak yang dilukis mengikut tradisi *Post-Impressionist* Gauguin dan Van Gogh.

Apabila Cheng Yong kembali pada tahun 1932, beliau telah mengadakan satu pameran perseorangan di Philomatic Union, Acheen Street. Pameran ini mempunyai kepentingan yang besar kepada ramai pelukis tempatan yang telah melukis bersendirian dan tidak sedar akan kewujudan pelukis-pelukis lain sehingga masa itu.

Pada tahun 1936, pelukis-pelukis Cina telah berkumpul di bawah pengaruh Yong Mun Sen lalu menubuhkan Kelab Seni Lukis Cina Pulau Pinang. Para ahli pengasas kelab ini termasuk - Lee Cheng Yong (Presiden), Yong Mun Sen (Timbalan Presiden), Quah Kuan Sin (Setiausaha), Tay Hooi Keat (Bendahari) dan Kuo Ju Ping, Tan Seng Aun, Tan Gek Khean (isteri Tay Hooi Keat) serta Wan Fee. Mereka telah mengadakan Pameran Seni dan Fotografi yang pertama tidak

lama kemudian. Kebanyakan lukisan yang dipamerkan adalah mengikut aliran Realisme Barat dan *Post-Impressionism* walaupun terdapat beberapa lukisan berus Cina tradisional. Pelukis-pelukis di seluruh Malaya dan Singapura telah diundang untuk menyertai pameran ini dan mereka telah menolong menjayakan pameran ini.

Pada tahun 1937, kumpulan *Penang Impressionists* yang mengadakan pameran tahunan secara tetap, telah menjemput ahli-ahli Kelab Seni Lukis Cina Pulau Pinang untuk menyertai pameran mereka. Jemputan itu amat menggalakkan kepada pelukis-pelukis tempatan yang telah memberi sambutan yang positif. Malangnya, ini pameran terakhir *Penang Impressionists* kerana kumpulan ini telah dibubarkan sebelum mulanya Perang Dunia Kedua dan tidak ditubuhkan semula lagi. Kebanyakan ahli aktifnya telah pulang ke Eropah ataupun telah dipindahkan.

Kelab Seni Lukis Cina Pulau Pinang telah mengadakan dua atau tiga lagi pameran seni lukis tahunan di bawah pucuk pimpinan Lim Cheng Ean (ayah P.G. Lim dan Lim Kean Siew, kedua-duanya pengumpul karya seni yang terkenal) dan kemudiannya Ong Keng Seng. Ketika perang semakin mara, aktiviti-aktiviti pertubuhan seni lukis ini terpaksa diberhentikan untuk sementara waktu akibat kawalan keselamatan yang dikenakan ke atas kawasan desa dan pantai. Akhirnya, kumpulan ini juga dibubarkan sebelum bermulanya pertempuran di Malaya dengan pelanggaran Jepun pada bulan Disember, 1941.

Pendudukan Jepun telah mengekang semua aktiviti kebudayaan. Kempetai (Polis Tentera Jepun) telah mengawasi kumpulan-kumpulan kebudayaan Cina serta pemimpin-pemimpin mereka. Rekod-rekod dan bukti-bukti fotografik lawatan Kelab Seni Lukis Cina Pulau Pinang telah dibakar sebagai tindakan berjaga-jaga.

Mujurlah perang tamat pada tahun 1945. Kesenian di Pulau Pinang telah dihidupkan semula dengan penubuhan Kumpulan Pendidik Seni Pulau Pinang di bawah Jabatan Pendidikan Pulau Pinang. Pada tahun 1948, Tay Hooi Keat menjadi warganegara Malaysia pertama yang pergi ke Britain untuk mempelajari seni lukis di Camberwell School Of Art.

Pulau Pinang kelihatan seperti pusat daya tarikan

kepada para pelukis selepas tamatnya perang. Frank Sullivan, peneraju seni yang terkenal telah menemui Mohd. Hoessein Enas di Pulau Pinang pada tahun 1949 dan telah menggesa beliau supaya berpindah ke Kuala Lumpur. Hoessein kemudiannya menubuhkan Angkatan Pelukis Semenanjung dan menjadi seorang tokoh kebangsaan yang mashhur.

Pada tahun 1952, Majlis Pendidik Seni Pulau Pinang telah ditubuhkan dan diterajui oleh Tay Hooi Keat selaku pengerusinya. Beberapa ahli awalnya termasuklah Lee Joo For, Tan Tin Kok, Lim Tong Juan, Tan Lye Hoe dan Chee Wee Sun. Kebanyakan ahlinya terdiri daripada guru-guru sekolah aliran bahasa Inggeris. Nama kumpulan ini kemudian ditukar kepada Golongan Pendidik Seni Pulau Pinang pada tahun 1965.

Pada tahun 1953, Persatuan Seni Pulau Pinang ditubuhkan di bawah pimpinan Loh Cheng Chuan. Majlis Kesenian Pulau Pinang juga ditubuhkan pada tahun yang sama dengan Souter sebagai Presiden, Tay Hooi Keat sebagai Setiausaha dan A. Sabapathy sebagai Bendahari serta Juruaudit. Semenjak itu, kedua-dua organisasi ini telah mengadakan pameran-pameran seni secara tetap untuk ahli-ahli mereka dan mengartikan pertunjukan perseorangan untuk para pelukis tempatan serta para pelukis dari negeri-negeri atau negara-negara lain yang membuat lawatan.

Pada tahun 1957, *Thursday Art Group* telah ditubuhkan dengan impian yang sama dengan *Wednesday Art Group*. Kuala Lumpur (ditubuhkan oleh Peter Harris pada tahun 1952). Ahli-ahli *Thursday Art Group* termasuk Abdullah Ariff, Tay Hooi Keat, Kuo Ju Ping, Lee Joo For, Lim Tong Juan dan William K.K. Lau.

Berbeza dengan alam seni di Pulau Pinang dan di Singapura, terdapat kekurangan kegiatan-kegiatan kesenian yang serius di Kuala Lumpur pada awalnya. Persatuan Kaligrafi dan Lukisan Nanyang ditubuhkan di Kuala Lumpur pada tahun 1929. (Ma-Ke, 1963) Walau bagaimanapun, aktiviti-aktiviti kesenian hanya berkembang selepas Peter Harris menubuhkan *Wednesday Art Group* pada tahun 1952. Peter Harris merupakan Penguasa Seni di Kementerian Pendidikan dan juga lepasan sebuah sekolah seni di United Kingdom. Beliau telah memperkenalkan estetik-estetik serta teknik-teknik seni kepada mereka yang berminat. Para pelukis yang telah mendapat manfaat dari galakan beliau termasuk Patrick Ng, Cheong Lai Tong, Zakariah Noor, Ismail Mustari, Dzulkifli Buyong, Ho Kai Peng, Lu Siat Mooi, Grace Selvanayagam,

Phoon Poh Hoon, Jolly Koh dan Syed Ahmad Jamal.

Pada tahun 1954, Persatuan Seni Selangor telah dimulakan oleh para ekspatriat dan ahli-ahli pengasas persatuan ini termasuklah Fung Yow Chork, Zakariah Noor, Yong Peng Seng, Chong Hooi Fah, Syed Zainal dan Chong Sing Kwai. Kumpulan ini bertemu seminggu sekali pada hari Khamis di Sekolah Lelaki Methodist untuk membuat catatan potret dan figuratif, lukisan serta lakaran.

Angkatan Pelukis Semenanjung - APS (dikenali kemudian sebagai Angkatan Pelukis SeMalaysia) ditubuhkan di Kuala Lumpur pada tahun 1956 oleh Mohd. Hoessein Enas. APS bertujuan untuk mengumpulkan serta menyatupadukan pelukis-pelukis Melayu. Ahli-ahlinya telah mencontohi Mohd. Hoessein Enas, tokoh dan penasihat mereka yang terkenal di seluruh negara kerana keunggulan potret realistik beliau, baik dalam cat minyak mahupun dalam pastel. Antara pelukis-pelukis yang terkenal dalam persatuan ini ialah Idris Salam, Mohd. Sallehuddin, Sabtu Mohd. Yusoff, Mazli Mat Som, Ahmad Hassan, Yusoff Abdullah dan Zakariah Noor.

Pada tahun 1957, Frank Sullivan telah dilantik sebagai Press Secretary (Setiausaha Akhbar) kepada YTM Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Perdana Menteri Malaya yang pertama selepas Kemerdekaan. Ini membawa kesan yang mendalam kepada alam seni Malaysia. Disebabkan usaha Sullivan yang bersungguh-sungguh untuk memperkenalkan para pelukis tempatan serta karya-karya mereka, maka Balai Seni Lukis Negara di 109, Jalan Ampang telah dibuka dengan rasminya oleh YTM Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj pada tanggal 27 Ogos 1958. Pameran pembukaan ini memaparkan karya-karya Chen Wen Lai, Cheong Lai Tong, Chuah Thean Teng, Mohd. Hoessein Enas, Nik Zainal Abidin, Peter Harris, Patrick Ng, Syed Ahmad Jamal, Tay Hooi Keat dan Yong Mun Sen.

Antara mereka yang telah menolong membangunkan Balai Seni Lukis Negara (selain Frank Sullivan yang menjadi Setiausaha untuk 10 tahun dari tahun 1962 sehingga tahun 1972) ialah Tan Sri Mubin Sheppard, Tan Sri Ghazali Shafie, Tan Sri Dato' Azman Hashim, Tan Sri Kamarul Ariffin, Tan Sri Zain Azraai, Profesor Ungku Aziz, Puan P.G. Lim dan ramai lagi. (Seni Lukis Malaysia, 57-87, 1987)

Balai Seni Lukis Negara memperoleh koleksi tetapnya secara beransur-ansur tetapi dua koleksi

menarik yang diderma kepada galeri ini patut disebut. Dua koleksi ini ialah koleksi gambarfoto burung 'Dato' Loke Wan Tho dan koleksi hasil-hasil kaligrafi seawal dinasti Sung dermaan Encik Lee Kah Yeow (doyen pelukis-pelukis berus dan dakwat Cina) yang bernilai 2 juta ringgit.

Pelukis Malaysia pertama yang mengadakan pameran solo di seberang laut ialah Chuah Thean Teng. Pameran ini diadakan pada tahun 1959 di London dan dipersembahkan oleh Majlis Kesenian Persekutuan. Catatan-batik eksotik beliau yang dihasilkan olehnya sejak beliau membuka *Yahong Gallery* pada tahun 1955 telah meninggikan taraf batik daripada suatu hasil pertukangan tangan kepada satu bentuk seni halus. Kejayaan Chuah telah membawa seni Malaysia kepada perhatian alam seni antarabangsa. Berikutan kejayaan beliau, pelukis-pelukis batik yang lain seperti Khalil Ibrahim, Tay Mo Leong dan juga Toya telah menerima pengiktirafan antarabangsa.

Pelukis-pelukis yang pernah diberi penghormatan dengan Pameran Retrospektif di Balai Seni Lukis Negara adalah seperti berikut: Peter Harris (1960), Chuah Thean Teng (1965), Mohd. Hoesein Enas (1966), Cheong Soo Pieng (1967), Abdul Latiff Mohideen (1973), Syed Ahmad Jamal (1983) dan Ibrahim Hussein (1986). Tambahan pula terdapat satu Pameran Memorial Yong Mun Sen pada tahun 1972.

Kesungguhan dan wawasan Perdana Menteri kita yang pertama merupakan salah satu peristiwa yang penting dalam pembangunan seni tanahair. Semenjak itu pelukis-pelukis tempatan beruntung daripada sokongan positif daripada pelbagai pihak. Balai Seni Lukis Negara juga memainkan peranan yang penting dalam perkembangan kesusasteraan Seni Kontemporari Malaysia. Setiap pamerannya disertakan dengan sebuah katalog bergambar yang mendokumentasikan setiap aspek pameran tersebut dan berfungsi sebagai rekod sastera.

Lama-kelamaan, Balai Seni Lukis Negara menjadi semakin sesak dan 25 tahun kemudian iaitu pada 21 Mei 1984, YAB Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia yang keempat telah merasmikan Balai Seni Lukis Negara yang baru di bangunan yang dahulunya Hotel Majestic. Sungguhpun kawasan pameran galeri baru ini lebih baik daripada bangunan yang sebelumnya, keadaannya masih jauh daripada kesempurnaan. Lantaran itu kerja-kerja pembaikan telah dijalankan pada tahun 1991 dengan tujuan menydiakan keadaan yang lebih sempurna untuk pemerhati-pemerhati dan juga untuk objek-objek kesenian.

Pada bulan Julai 1992 pula, Menteri Kebudayaan, Seni dan Perlancongan, Datuk Sabaruddin Chik telah mengumumkan bahawa Balai Seni Lukis Negara akan ditempatkan di bangunan baru yang bernilai RM30 juta di tapak seluas 3 hektar berdekatan bangunan Parlimen menjelang tahun 2000. Ini akan menjamin bahawa Balai Seni Lukis Negara akan terus kekal sebagai simbol keunggulan artistik Seni Malaysia dan berfungsi sebagai suatu pusat manifestasi seni visual dan kebudayaan kontemporari.

Perkembangan Seni Malaysia mencerminkan keadaan kesenian yang baik untuk nusa dan bangsa. (Syed Ahmad Jamal, 1987) *The Art Gallery*, Pulau Pinang (yang dibuka pada bulan September 1989 dan kini bercang dalam penerbitan buku-buku seni), amat bangga kerana dapat menyumbang secara kecil-kecilan, dengan mendokumentasikan perkembangan sejarah seni Malaysia yang sememangnya amat menarik.

Rujukan:

1. **Balai Seni Lukis Negara, 58-88** (1988) National Art Gallery
2. Chia Wai Hon (1982) **Singapore Artists**, Singapore Cultural Foundation and Federal Publications [S] Pte Ltd.
3. **Contemporary Malaysian — Chinese Paintings** (1987) The Selangor Chinese Assembly Hall
4. Liu Kang (1990) **Western Art in Singapore in Contemporary Singapore Artists**, The Singapore Art Society
5. Ma'Ke (Koh Cheng Foo) (1963) **Brief History of Malayan Art** (Mendiarin) Nanyang Press.
6. Piyadesa, R (1981) **The Treatment of the Local Landscape on Modern Malaysian Art, 1930-1981**, National Museum of Art, Kuala Lumpur
7. Sabapathy, TK and Piyadesa, R (1983) **Modern Artists of Malaysia**, Dewan Bahasa dan Pustaka
8. Syed Ahmad Jamal (1987) **Malaysian Art 57-87**, National Art Gallery
9. Tan Chee Khuan (1990) **Penang Artists [1920-1990]**, The Art Gallery, Penang
10. Tay Hooi Keat (1986) **Retrospect and Prospect in Retrospective Artists Directory**, Lembaga Muzium Negeri, P.Pinang
11. Wharton, Dolores (1971) **Contemporary Artists of Malaysia**, Asia Society, New York.

Perhimpunan Pelukis-Pelukis Singapura dan Malaysia
Gathering of Singapore and Malaysian Artists



Dari Kiri ke Kanan/Left to Right : Chen Wen Hsi, Liu Kang, Chen Jen Hao, Cheong Soo Pieng, Chuah Thean Teng




Berdiri/Standing : Chuah Thean Teng (tengah/centre), Kuo Ju Ping (kanan/right)
Duduk/Sitted : (Kiri ke Kanan/Left to Right) Chen Loong, Chen Wen Hsi, Loh Cheng Chuan, Cheong Soo Pieng, Tsue Ta Tee



Berdiri/ Standing Chuah Thean Teng (ketiga dari kanan/third from right), Tsue Ta Tee (kedua dari kanan/second from right),
Tan Choon Ghee (kanan/right)
Duduk/ Seated Dan Kin ke kanan/ from left to right May Fong Sen, Kuo Ju Ping, Loh Cheng Chuan, Lim Hak Tai, Cheong Soo
Peng and wife



1952 Dan Kin ke Kanan/ Left to Right Fung Yow Chork, Ho Choo Chuan, Yong Mun Sen, Leong Mun Kong



Majlis makan malam Persatuan Seni Selangor (1955) yang diadakan sebagai penghormatan kepada Cheong Soo Pieng (keempat dan kiri). Ahli-ahli termasuk Fung Yow Chork (kelima dari kiri) dan Zakariah Noor (kedua dari kanan)

Selangor Art Society Dinner (1955) in honour of Cheong Soo Pieng (4th left). Members include Fung Yow Chork (5th left) and Zakariah Noor (2nd right)



Ahli-ahli Jawatankuasa Angkatan Pelukis Semeranjung (APS), 1961.

Dari Kiri ke Kanan (duduk): Zakariah Noor (Naib Presiden), Mohd. Hoessen Enas (President), Mazli Som (Naib Presiden 2), Idris Salam (Setiausaha)

Angkatan Pelukis Semeranjung (APS) Committee members, 1961.

Left to Right (sitting): Zakariah Noor (Vice-President), Mohd Hoessen Enas (President), Mazli Som (2nd Vice-President), Idris Salam (Secretary)



Perhimpunan pelukis-pelukis Pulau Pinang/Penang artists' gathering Chuan Thian Teng (kini/lefi), Kuo Ju Ping (kedua dari kanan/second right), Lee Cheng Yang (kelima dari kiri, fifth left)



Datuk Tay Hooi Keat (kedua dari kanan) sedang merasmikan pameran seni lukis Wong Siew Im (kedua dari kiri) dan Mui Liang (kanan)
 Datuk Tay Hooi Keat (second right) officiating at an art exhibition by Wong Siew Im (second left) and Mui Liang (right)

DEVELOPMENT OF ART IN MALAYSIA AND SINGAPORE

The Confederation of Malaysia was formed on 16 September 1963, comprising the Borneo Territories (Sarawak and North Borneo, now known as Sabah), the Federation of Malaya and Singapore (which withdrew on 9 August 1965 to become an independent sovereign nation). Before Malaya obtained its independence from the British Colonial Empire on 31 August 1957, it had a close interaction with Singapore resulting in mutual exchange of customs, lifestyles as well as arts and culture. It is therefore obvious that any discussion of art in Malaya before 1965 should include Singapore as well.

There is very little knowledge of the painting tradition in the Malay Archipelago prior to the British colonization. There is likely to be a background of painting in this area as evidenced by surviving art traditions in Thailand and Indonesia, particularly Balinese painting. It would appear therefore that painting skills were lost somewhere along the line.

While Malaysia does not have the same background of traditional or religious art such as is evident in the temples of Angkor Wat in Cambodia, or Borobudur in Java, there are some traditional art forms which influence contemporary Malaysian art (Wharton, 1971). Examples which readily come to mind are the design of the wood carvings on the prows of Malay fishing boats along the East coast, and the shadow play or 'wayang kulit' theatre which provide inspiration for some contemporary artists (such as Nik Zainal Abidin).

With the arrival of European travellers and colonials in the 18th century, together with Chinese traders to the area, painting reappeared. There is some suggestion that English and other European travellers in the area, commissioned Straits Settlements' artists, (both of Chinese and Malay origin) to paint local life, flora and fauna, either for pleasure or for historical record. Many of these commissions were given by officers of the East India Company stationed in Malaya.

The British introduced to Malaysians the genres of landscape painting in the tradition of Turner and Constable and Realism rooted in the Pre-Raphaelites. This continued until the 19th Century when the impact of European Art, particularly French, began to have its effect on

the whole region with movements such as Impressionism, Cubism, Surrealism, Futurism and Constructivism.

After the Second World War, the centre of art shifted from Paris to New York. The Americans started the movements like Action Painting, Abstract Expressionism, Pop Art, Op Art, Performance Art, Minimalism, Conceptual Art and so on. Needless to say, our local artists who went overseas came under diverse influences.

The Chinese contribution to the art scene in Malaysia and Singapore came from Chinese immigrants and visitors (like the renowned Xu Beihong who stayed in Penang for many years and visited Singapore for a spell) and others who had studied Chinese brush painting and calligraphy in China.

The earliest migrants from China had no great desire apart from seeking a decent living. The luxury of fine arts could not have been further from their mind. It was only after they had established themselves and became successful in life that some migrants began to indulge their artistic creativity for a more fulfilling life. Some engaged in art education while others were highly motivated amateurs. Those who had gained notable achievements included Lee Kah Yeow, Wang Yau, Rev Chuk Mor, Rev Pak Yuen, Chai Horng Chung, Chung Hong Kong and Zhen Wei Sin (Contemporary Malaysian - Chinese Painting 1987).

From what may be culled from existing information, it appears that it was only at the beginning of the 1920s that an occasional painter would come out and exhibit his works. The earliest recorded art exhibition in Singapore was by Lian Xiao Oh in 1924, followed by He Cui Qo who exhibited his pastels in 1926 (Ma-Ke, 1963). In 1935, a group of artists in Singapore, mostly alumni of the three art schools in Shanghai viz the Shanghai Art University, Shanghai School of Fine Arts and Shanghai School of Art, formed the Salon Art Studies Society, (which was later renamed the Society of Chinese Artists).

This society concentrated on giving wide exposure to local artists as well as organising exhibition of works by foreign artists, especially China and Hong Kong. Its annual show was to

become an established tradition which carried on without a break, except for the war years (1942 - 1945). Many of their members were also on the staff of the Nanyang Academy of Fine Arts which was founded by its principal, Lim Hak Tai in 1938.

Lim Hak Tai was a remarkable man of vision. An accomplished artist in his own right, he chose to devote his life, not to being an artist, but to being a catalyst of art by founding the first and most enduring institute of art in Singapore. Among the distinguished artists on the teaching staff were Cheong soo Pieng, Georgette Chen Li Ying, Chen Wen Hsi and Chen Chong Swee. These artists had arrived in Singapore after the Second World War. They had been trained at art academies at Shanghai, Canton and Amoy and were exposed to the modernist influence of the 'School of Paris'. They were amongst the most sophisticated artists working in British Malaya and Singapore at that time. Through the activities of the teachers and students, the Nanyang artists played a major role in contributing towards the growth of the modern art tradition in Malaysia and Singapore. They are especially well-known for their efforts in synthesizing Eastern and Western art traditions in their work, which came to be known as the 'Nanyang' style.

In 1952, Cheong Soo Pieng, Chen Chong Swee, Chen Wen Hsi and Liu Kang made a visit to Bali and on their return, organised an exhibition entitled 'Four artists to Bali' which resulted in the creation of figure types which are identifiable with the Nanyang artists (Sabapathy & Pyadesa, 1983). This exhibition stimulated a lot of other local artists (for example, Khaw Sja) to make pilgrimages to Bali in order to paint.

Liu Kang was not a teacher at the Nanyang Academy but he was highly respected as an artist and because of his involvement with the Society of Chinese Artists and the Singapore Art Society. The Singapore Art Society was formed in 1949 by some expatriates, notably Dr Gibson-Hill (who was then in charge of Raffles Museum and Library), Richard Walker (Superintendent of Art for Singapore Schools), Francis Thomas (teacher at St Andrews School, Suri Mohgani (local artist) and Liu Kang (who was then the President of the Society of Chinese Artists).

The Singapore Art Society organised exhibitions and art activities and was opened to any artist, regardless of race and creed, not only in Singapore itself but also abroad. Mr Walker was a fine artist, schooled in impressionism, who groomed quite a number of outstanding artists. (Liu Kang, 1990). Among them, the most famous was Lim Cheng Hoe, acknowledged as the local master of water-colour and the inspiration and mentor for the present crop of Singapore water-colourists.

Another artist who made an impact on the Singapore art scene was Lee Man Fong who migrated to Singapore from Indonesia in 1967. Born in Canton, China in 1913, he moved to Jakarta in 1932 and worked as a commercial artist. In 1947, he was awarded a scholarship by the Dutch Government to study art in Holland. Later, he was appointed by former President Sukarno as a Presidential Palace artist. In 1964, he compiled a deluxe, 5 volume edition of Sukarno's art collections. Thus, he had the distinction of being a pioneer artist of both Indonesia and Singapore.

With reference to Penang, early art activities probably began with the founding of Penang in 1786 by Sir Francis Light under the East India Company. Penang was then known as Prince of Wales Island. British artists residing in Penang were fond of painting the maritime views and Penang landscapes. However, it was likely that patron Penang artists were also catering to the patrons of the European Trading Company (Tan, 1990).

The modern art tradition may be traced back to around 1920 when the Penang impressionists were formed. The artist group comprised expatriate Europeans (mostly English housewives) and two local talents namely Mrs Lim Cheng Kung and Abdullah Ariff. Given the colonialistic attitude prevailing at that time, local Penang artists were not welcome to join the Penang Impressionists; Abdullah Ariff was admitted into the group because his services as an art instructor were needed while Mrs Lim was the wife of a wealthy Chinese millionaire who contributed financially to the group's well-being. (Tay, 1986).

The year 1920 marked a significant milestone in the art history of Penang. It was the year that

Yong Mun Sen came to Penang from Singapore and later set up his art studio. The honour of being the first artist to have an art exhibition in Malaysia was Ooi Hwa who exhibited in Penang in 1927. Ooi Hwa and Lee Cheng Yong were perhaps the first Penang artists to go overseas to study art at the Shanghai Academy of Fine Art.

Ooi Hwa painted impressionistic watercolours with strong light effects. Lee Cheng Yong's works were mostly oils painted after the Post-Impressionist tradition of Gauguin and Van Gogh.

On Cheng Yong's return in 1932, he held a one-man show at the Philomatic Union, Acheen Street. The exhibition was of great interest to many local artists who had also been painting on their own, and did not realise each other's existence till then.

In 1936, the Chinese artists got together under the influence of Yong Mun Sen and formed the Penang Chinese Art Club. The founder members were - Lee Cheng Yong (President), Yong Mun Sen (Vice-President), Quah Kuan Sin (Secretary), Tay Hooi Keat (Treasurer) and Kuo Ju Ping, Tan Seng Aun, Tan Gek Khean (Mrs Tay Hooi Keat) and Wan Fee. They held their first Art and Photography Exhibition soon after, with the majority of the paintings in the school of Western Realism and Post-Impressionism and a few scrolls of traditional Chinese brush paintings. Artists all over Malaya and Singapore were invited to participate and contributed much to the success of the exhibition.

In 1937, the Penang Impressionists, who had been holding regular annual art shows invited members of the Penang Chinese Art Club to participate. This was very encouraging to the local artists who responded positively. Unfortunately, this was to be the last exhibition of the Penang Impressionists as the group disbanded before the advent of the Second World War, never to be reformed. Most of their active members went back to Europe or were transferred.

The Penang Chinese Art Club carried on with two or three more annual art exhibitions, under the Presidency of Lim Cheng Ean (the father of prominent art-collectors, Ms PG Lim and Lim

Kean Siew), and later Ong Keng Seng. As the war approached, the art body had to suspend its activities, as a result of security restrictions being imposed on the coastal and rural areas. Finally, the group dissolved itself just before the out-break of hostilities in Malaya, with the Japanese invasion in December, 1941.

The subsequent occupation of the Japanese forces discouraged all cultural activities. Indeed the Kempeitai (Japanese Military Police) kept a close watch on Chinese cultural groups and their leaders. The Penang Chinese Art Club's records and all photographic evidence of the group outings were burnt as a precaution.

Fortunately, the war ended in 1945. Art in Penang revived with the formation of the Penang Art Teachers' Art Group under the Penang Education Department. In 1948, Tay Hooi Keat became the first Malaysian to go to Britain to study art at the Camberwell School of Art.

Penang appeared to be the centre of attraction for artists in the immediate post-war period. The famous art patron, Frank Sullivan met Mohd Hoesein Enas in Penang in 1949 and urged him to go to Kuala Lumpur. He went on to form the Angkatan Pelukis Semenanjung and became a nationally known figure.

In 1952, the Penang Art Teachers' Council was formed with Tay Hooi Keat as chairman. Some of the early members included Lee Joo For, Tan Tin Kok, Lim Tong Juan, Tan Lye Hoe and Chee Wee Sun. Most of the members were teachers from the English-medium schools in Penang. The name of the group was changed to Penang Art Teachers' Circle in 1965.

In 1953, the Penang Art Society was formed under the chairmanship of Loh Cheng Chuan. The Penang Arts Council was also formed the same year with Souter as President, Tay Hooi Keat as Secretary and A. Sabapathy as Honorary Treasurer and Auditor. Since then, both organisations have been holding regular art exhibitions for their members, as well as sponsoring one-man shows for local as well as visiting artists from other Malaysian states and foreign lands.

In 1957, the Thursday Art Group was formed with ideals similar to the Wednesday Art Group

of Kuala Lumpur (which was formed by Peter Harris in 1952). Members of the Thursday Art Group included Abdullah Ariff, Tay Hooi Keat, Kuo Ju Ping, Lee Joo For, Lim Tong Juan and William K K Lau.

In contrast with the art scene in Penang and Singapore there was a lack of serious art activity in Kuala Lumpur in the early days. The Nanyang Calligraphy and Painting Society was formed in Kuala Lumpur in 1929 (Ma-Ke, 1963). However, it was not until 1952, when Peter Harris formed the Wednesday Art Group that art activities flourished. Peter Harris was the Art Superintendent in the Ministry of Education, and graduated from an art school in United Kingdom. He introduced aesthetics and art techniques to young and enthusiastic Malaysians. Artists who benefitted from his encouragement included Patrick Ng, Cheong Lai Tong, Zakariah Noor, Ismail Mustam, Dzulkifli Buyong, Ho Kai Peng, Liu Siat Mooi, Grace Selvanayagam, Phoon Poh Hoon, Jolly Koh, Syed Ahmad Jamal and others.

In 1954, the Selangor Art Society was started by expatriates and founder members included Fung Yow Chork, Zakariah Noor, Yong Peng Seng, Chong Hooi Fah, Syed Zainal and Chong Sing Kwai. The group met once a week on Thursday at the Methodist Boys' School for figure and portrait painting, drawing and sketching.

The Angkatan Pelukis Semenanjung (later known as Angkatan Pelukis SeMalaysia) was founded in 1956 by Mohd Hoessein Enas in Kuala Lumpur. The APS served to rally the Malay artists together. They modelled themselves on Mohd Hoessein Enas, their mentor and master who was nationally known for his oil and pastel realistic portraits. Among the more prominent artists in the society were Idris Salam, Mohd Sallehuddin, Sabtu Mohd Yusof, Mazli Mat Som, Ahmad Hassan, Yusof Abdullah and Zakariah Noor.

In 1957, Frank Sullivan was appointed the Press Secretary to Tunku Abdul Rahman, the first Prime Minister of Malaya after Independence. This was to create a tremendous impact on the Malaysian art scene. It was largely due to his indefatigable effort in promoting local artists and their works of art that the National Art Gallery at 109, Jalan Ampang was declared open on 27 August 1958 by Tunku Abdul Rahman. The opening exhibition

included works by Chen Wen Hsi, Cheong Lai Tong, Chuah Thean Teng, Mohd Hoessein Enas, Nik Zainal Abidin, Peter Harris, Patrick Ng, Syed Ahmad Jamal, Tay Hooi Keat and Yong Mun Sen.

Among those who helped in the development of the National Art Gallery, (besides Frank Sullivan who was secretary for 10 years from 1962 to 1972), were Tan Sri Mubin Sheppard, Tan Sri Ghazali Shafie, Tan Sri Dato' Azman Hashim, Tan Sri Kamarul Ariffin, Tan Sri Zain Azraai, Professor Ungku Aziz, Ms PG Lim and many others (Seni Lukis Malaysia, 55-87, 1987). The gallery gradually acquired its own permanent collection but two notable collections donated to the gallery deserve mention. They are Dato' Loke Wan Tho's photographs of birds and the collection of Mr Lee Kah Yeow, (doyen of Chinese ink and brush painters) valued at 2 million ringgit, of Chinese and calligraphic works going back to the Sung Dynasty.

The first one-man show by a Malaysian artist overseas, was that of Chuah Thean Teng in 1959 in London, presented by the Federation Arts Council. His exotic batik paintings (which he had been producing since he opened his Yahong Gallery in 1955) raised the status of batik from craftwork to fine art and brought Malaysian art to the attention of the international art scene. Following his success, other batik artists, notably Khalil Ibrahim, Tay Mo Leong and Toya also found international fame.

Artists honoured with Retrospective Exhibitions at the National Art Gallery were as follows: Peter Harris (1960), Chuah Thean Teng (1965), Mohd Hoessein Enas (1966), Cheong Soo Pieng (1967), Abdul Latiff Mohideen (1973), Syed Ahmad Jamal (1975), Tay Hooi Keat (1983), and Ibrahim Hussein (1986). In addition, there was a Yong Mun Sen memorial exhibition in 1972.

The conviction and vision of the first Prime Minister was one of the most significant events in the development of art in Malaysia. Local artists benefitted from positive organised support from then on. The National Art Gallery also played an important role in the dissemination of literature on contemporary Malaysian Art. Every exhibition was accompanied by a catalogue which documented every aspect of the exhibition, serving pictorial and literary record.

Eventually, the gallery became increasingly crowded and 25 years later, on 21 May 1984, the fourth Prime Minister of Malaysia YAB Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad, officially opened the new National Art Gallery building at the former Hotel Majestic. Although the exhibition areas are better than in the previous building, the condition is still somewhat less than ideal. In 1991, renovations were carried out to provide a more ideal condition for viewers and the art objects.

In July 1992, the Minister for Culture, Arts and Tourism, Datuk Sabarruddin Chik announced that the National Art Gallery will be housed in a new RM30 million building on a three hectare site near the Parliament House, by the year 2000. This will ensure that the National Art Gallery will continue to be a symbol of artistic excellence for Malaysian Art and a centre of contemporary cultural visual manifestations.

The flowering of Malaysian Art reflects the healthy state of art in the country. [Syed Ahmad Jamal, 1987]. The Art Gallery, Penang (which was opened in September 1989 and has branched into art-book publication), is proud to be able to contribute in a small way, by documenting the exciting history of art development in Malaysia.

References:

1. **Balai Seni Lukis Negara, 58-88** (1988) National Art Gallery
2. Chia Wai Hon (1982) **Singapore Artists**. Singapore Cultural Foundation and Federal Publications (S) Pte Ltd
3. **Contemporary Malaysian — Chinese Paintings** (1987) The Selangor Chinese Assembly Hall
4. Liu Kang (1990) **Western Art in Singapore in Contemporary Singapore Artists**. The Singapore Art Society
5. Ma Ke (Koh Cheng Foo) (1963) **Brief History of Malayan Art** (Mandarin) Nanyang Press
6. Piyadesa, R (1981) **The Treatment of the Local Landscape on Modern Malaysian Art, 1930-1981**. National Museum of Art, Kuala Lumpur
7. Sabapathy, TK and Piyadesa, R (1983) **Modern Artists of Malaysia**. Dewan Bahasa dan Pustaka
8. Syed Ahmad Jamal (1987) **Malaysian Art 57-87**. National Art Gallery
9. Tan Chee Khuan (1990) **Penang Artists (1920-1990)**. The Art Gallery, Penang
10. Tay Hooi Keat (1986) **Retrospect and Prospect in Retrospective Artists Directory**. Lembaga Muzium Negeri, P.Pinang
11. Wharton, Dolores (1971) **Contemporary Artists of Malaysia**. Asia Society, New York



Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Perdana Menteri Malaysia yang pertama merasmikan mesyuarat pertama Lembaga Amanah Balai Seni Lukis Negara pada tahun 1963. Di sebelah kiri kelihatan Frank Sullivan. Selalunya Kehormat Lembaga Amanah Balai Seni Lukis Negara.

Y.T.M Tunku Abdul Rahman, First Prime Minister of Malaysia officiating the National Art Gallery first board meeting in 1963. On his left is Frank Sullivan, the National Art Gallery Board Honorary Secretary.

PELUKIS-PELUKIS SINGAPURA - BEBERAPA PEMERHATAN TENTANG PELUKIS GENERASI PERTAMA

oleh Susie Koay

Istilah *Pelukis-Pelukis Nanyang* terlintas dalam fikiran orang ramai dengan segera kerana ia merujuk kepada golongan artis yang paling penting dan berpengaruh di dalam sejarah seni aliran utama Singapura. Para pelukis tersebut secara berseparai dan juga secara bersama, masing-masing telah meninggalkan satu pusaka dalam warisan artistik Singapura baik melalui pencapaian tersendiri dalam seni mahupun melalui sumbangan mereka kepada pendidikan seni. Chen Wen Hsi, Cheong Soo Pieng, Chen Chong Swee, Lu Kang, Georgette Chen dan pelukis cat air, Lim Cheng Hoe, kesemuanya dikraf sebagai para perintis seni lukis Singapura. Mereka telah dimulakan dalam satu siri pameran retrospektif, *Perintis-Perintis Seni Lukis Singapura (Pioneer Artists Of Singapore)*, yang dikelolakan oleh Muzium Negara Singapura di bawah naungan bekas Kementerian Kebudayaan di antara tahun 1982 dan tahun 1985.

Dalam sebarang perbincangan mengenai *Pelukis-Pelukis Nanyang*, seseorang mesti berpandukan satu pameran penting serta esei yang mengiringinya tulisan R. Piyadesa dan T. K. Sabapathy dalam *Pameran Retrospektif Pelukis-Pelukis Nanyang* di Muzium Seni Negara Malaysia pada tahun 1979. Untuk kali pertama, satu percubaan serius telah dibuat untuk menentukan had penggunaan istilah *Pelukis-Pelukis Nanyang* serta istilah *Gaya Nanyang*.

Jadi apakah *Gaya Nanyang*? T.K. Sabapathy menyarankan agar ia dilihat sebagai satu "skema berupa" yang menandakan "rangsangan visual kepada bentuk gambaran" yang dilaksanakan melalui "pendekatan eksperimental dengan menggunakan gaya-gaya dan teknik-teknik yang berasal dari dua sumber: Tradisi gambaran Cina serta Aliran Paris (*School of Paris*). Pada tahun 1982, T.K. Sabapathy mengulang lagi dalam artikel *Straits Times Annual* yang bertajuk *Scroll Met Ease*

"Pada tahun 1953, ... satu pameran bertajuk *Empat Pelukis Ke Bali* ... penting kerana perhubungannya dengan penggambaran figura manusia. Ia menyebabkan kreasikan beberapa jenis figura yang dihubungkan dengan Pelukis-Pelukis Nanyang, dan kemudiannya mempengaruhi pelukis-pelukis lain." (Sabapathy, 1982:126)

Justeru itu *Gaya Nanyang* dilihat sebagai satu gabungan gaya Barat serta Timur, dan *Pelukis-Pelukis Nanyang* pula satu kumpulan artis yang disatukan kerana minat bersama dalam usaha memperkembangkan seni bahasa visual yang berkaitan dengan tempat baru mereka dengan mementingkan pengabdian "realiti Laut Selatan." Dengan yang demikian, mereka mengamalkan bahasa visual para pelukis Barat dalam eksperimen-eksperimen mereka dan telah membatinkan serta menyatupadukannya dengan tradisi lukisan-lukisan klasik Cina yang lazim mempunyai *idiom-idiom* tersendiri dan menggunakannya untuk urusan mereka.

Haluan yang dituruti oleh para pelukis ini mengikut perkembangan yang sudah pun bermula di China, satu warisan dan tradisi yang diwarisi oleh mereka. Jadi mengikut logik, peringkat perbincangan yang berikutnya adalah untuk mengkaji kepelbagaian pengaruh ketika bekerja di negara asal pelukis-pelukis dan juga keadaan negara adopsi mereka pada tahap perjarah itu. Pemerhatian-pemerhatian tersebut telah dibuat oleh R. Piyadesa kira-kira satu setengah dekad yang lalu ketika memetik pandangan Michael Sullivan dari buku Sullivan yang bertajuk *The Meeting of Eastern and Western Art (Pertemuan Seni Barat dan Seni Timur)* Walau bagaimanapun, masih berfaedah untuk mengikhtisarkannya.

Teknik-teknik lukisan cat minyak Barat mula wujud di China pada abad ke-15. Realisme Barat diperkenalkan kepada Istana Maharaja Qing (1644-1911) pada abad ke-17 dan ke-18 melalui mubaligh-mubaligh Jesuit seperti Matteo Ricci dan Giuseppe Castiglione yang juga dikenali sebagai Lang Shih-ning (1698-1768). Namun demikian, pengaruh-pengaruh ini tidak banyak mengubah ciri asas lukisan Cina. Semasa pertengahan abad ke-19, peristiwa-peristiwa politik dan ekonomi seperti Perang Candu (1839-1842) telah mengakibatkan Perjanjian Nanking ditandatangani dan natijahnya pelabuhan-pelabuhan Guangdong, Xiamen, Fuzhou, Ningbo dan Shanghai dibuka kepada saudagar-saudagar Inggeris dan ini kemudian menyebabkan masyarakat Cina berpecah-belah (Chai, 1975). Ini diikuti pula dengan Pemberontakan Taiping (1850-1864) yang memperlihatkan bantuan barat dalam penubuhan "Angkatan Terentera yang Sentantiasa Menang" dan

pengiktirafan keunggulan senjata dan taktik barat; Kemenangan Jepun pada tahun 1894, Gerakan Pemulihan pada tahun 1898 yang dimulakan oleh Maharaja Guangxu (1874-1907) di bawah pengaruh sarjana Konfusian dan ahli siasah, Kang Youwei (1858-1927), dan Kebangkitan Boxer pada tahun 1900, kesemuanya peristiwa yang akhirnya mengakibatkan penggulingan Dinasti Qing (Wu, 1990). Namun begitu, perubahan ini tidak menjelma pada awalnya di dalam sastera dan seni Cina (Hejar, 1987) walaupun jabatan seni yang pertama didirikan di Sekolah Tinggi Biasa Nanjing pada tahun 1906. Penulisan Dong Cichang (1555-1636), seorang sarjana-pelukis Konfusian telah mempengaruhi perkembangan artistik Cina untuk banyakk tahun. Impian artistik telah memberi tumpuan kepada usaha mengekalkan kesucian zaman lampau dan kemungkinan berlakunya pembaharuan tidak dapat dibayangkan.

Hanya selepas Pergerakan Mei 4 Tahun 1919 barulah catan Cina secara keseluruhannya mula menunjukkan kemajuan. Shanghai telah menggantikan Beijing sebagai pusat kebudayaan yang terpenting di negara itu. Pengaruh-pengaruh asing seperti Fauvisme, Ekspresionisme, Surealisme dan Impresionisme mula muncul di Shanghai pada tahun 1920-an. Sebagai salah satu tempat utama pertembungan pengaruh-pengaruh artistik barat dan timur, tidaklah menghairankan yang Shanghai dan mungkin juga Akademi Seni Xinhua di Shanghai tempat banyak pelukis generasi pertama menerima pendidikan seni, merupakan pusat perubahan kebudayaan ini di dalam seni Cina. Umpamanya, Cheong Soo Pieng merupakan graduan Akademi Seni Xiamen serta Akademi Seni Xinhua di Shanghai sementara Chen Chong Swee, Chen Wen Hsi dan Liu Kang pula lepasan Akademi Seni Xinhua. Kedua-dua Liu Kang dan Georgette Chen juga menghabiskan masa beberapa tahun di Paris; Georgette Chen menuntun dan mempamerkan karya-karyanya di Salon Paris di antara tahun-tahun 1927 hingga 1933 sedangkan Liu Kang pula berada di *Academie de la Grande Chaumiere* dan tahun 1929 hingga tahun 1933. Lantaran itu tidaklah menghairankan bahawa karya-karya pelukis-pelukis ini pada asasnya berorientasikan seni barat dan mengikut tradisi Barat dan Timur dengan bebas.

Para Pelukis

Chen Chong Swee (1910-1985) merupakan pelukis Nanyang pertama yang datang ke Singapura. Beliau tiba pada tahun 1932 walaupun hubungan beliau dengan Akademi Seni Nanyang hanya bermula pada tahun 1951 apabila beliau mengajar kelas teknik-teknik melukis secara tradisional. Pada pendapat beliau sebuah lukisan mesti difahami sebelum ia boleh dianggap sebagai lukisan yang bermakna. Oleh itu, tidaklah menghairankan bahawa beliau juga percaya bahawa seseorang mesti mahir dalam asas melukis sebelum membuat sebarang eksperimentasi. Chen menghalakan tenaganya kepada usaha melukis alam sekitar tempatan dalam media dakwat dan berus Cina tradisional dan dengan itu melahirkan suatu gaya melukis landskap yang sememangnya mempunyai ciri Asia Tenggara.

Cheong Soo Pieng (1917-1983) berhijrah ke Singapura tempat beliau mengajar catan barat di Akademi Seni Nanyang pada tahun 1946. Cheong, seorang pelukis yang mahir dalam kedua-dua gaya Aliran Paris dan lukisan tradisional Cina, membawa bersama-samanya suatu semangat waja untuk merintis serta satu keinginan untuk bereksperimen. Dalam nota biografi Cheong Soo Pieng untuk tujuan pameran solonya pada bulan September 1963 yang menandakan hasil-hasil barunya sewaktu beliau berada di Eropah selama dua setengah tahun; Michael Sullivan disebut sebagai telah menulis ini tentang Cheong:

"Salah satu daripada kritikan yang kadangkala dilemparkan secara tidak adil terhadap kesenian Timur ialah ia tidak kelihatan ketimuran. Kenapa, tanya kritik, para pelukis Cina melukis dalam cat minyak sebagai ganti media mereka yang sensitif dan serba boleh?... Jawabannya ialah tiada sebarang seni hidup yang dapat wujud bersendirinya; ia mestilah satu pernyataan zamannya. Oleh sebab pemeradaban Asia telah dilahirkan semula pada setengah kurun yang lalu, para pelukis Asia pun mesti berfikir dan membangkitkan peristiwa ini... Jika karya Cheong Soo Pieng kadangkala kelihatan lebih kebaratan daripada tradisional, ini adalah kerana ia mencerminkan perasaan sebenar dan aspirasi masyarakatnya....Kehebatan Cheong Soo Pieng ialah walaupun beliau banyak dipengaruhi oleh

Seni Barat, beliau bukanlah sekadar peniru....” (Sullivan, 1963:1)

Frank Sullivan, dalam katalog pameran yang sama, mengatakan bahawa Cheong sedang "...membina jambatannya yang menghubungkan dua dunia, menggabungkan kehalusan dan kemahiran melukis Timur dengan teknik-teknik serta pandangan Barat” (Sullivan, 1963:16), satu objektif yang mempunyai kebenaran bagi semua pelukis Nanyang.

Chen Wen Hsi (1906-1991) yang tiba di Singapura pada tahun 1949 dan mempunyai latarbelakang yang sama dengan Cheong, juga mula mengajar di akademi itu pada tahun 1951. Walau bagaimanapun, Chen mengajar lukisan tradisional Cina lantaran kecenderungan dan cintanya kepada catan berus Cina; satu percintaan yang berterusan untuk beberapa dekad dalam kerjayanya. Walaupun Chen kerap melukis dalam cat minyak dan menghasilkan gubahan separuh abstrak yang bereksperimen dengan garisan dan warna pada tahun 60-an dan tahun 70-an, beliau masih kembali menggunakan media berus dan dakwat Cina pada tahun 1980-an. Chen telah menggabungkan pengalamannya semasa menggunakan cat minyak untuk melaksanakan karya-karya beliau yang kemudian dalam media berus Cina dengan tujuan menghasilkan paduan yang kuat dalam kedua-dua gaya tersebut. Ini dibincangkan dengan panjang lebar dalam esei pengenalan Kwok Kian Chow, *A Dialogue with Tradition-Chen Wen Hsi's Art of the 80s*, untuk pameran yang telah dilangsungkan di Muzium Negara, Singapura pada awal tahun 1993.

Sebaliknya, **Georgette Chen Li Ying** (1907 - 1993) mempunyai latarbelakang yang benar-benar kosmopolitan. Beliau menerima didikan di Paris, New York dan di Shanghai. Georgette tiba di Singapura pada tahun 1953 dan mula mengajar kelas melukis di akademi ini pada tahun yang sama. (Piyadesa & Sabapathy) Beliau kekal sebagai staf guru Akademi Seni Halus Nanyang sehingga tahun 1981. Dalam karya Georgette Chenlah gaya Aliran Paris menonjol dalam bentuk yang paling jati sungguhpun ia memberi tumpuan kepada subjek-subjek tempatan. Warna-warna terang disertai dengan kerja berusan yang benirama ringan mencirikan *oeuvre*(karya) alam benda, potret dan landskap

beliau.

Liu Kang, (dilahirkan pada tahun 1911) berasal dari Provinsi Fujian di wilayah Yongchun, China. Sungguhpun demikian, beliau datang ke Malaysia pada tahun 1917 dan menghabiskan masa budak-budaknya di Muar sehingga tahun 1926 apabila beliau meninggalkan negara tersebut untuk melanjutkan pelajaran di Akademi Xinhua di Shanghai. Liu hanya kembali ke Malaysia pada tahun 1937 selepas menghabiskan masa beberapa tahun di Paris dan Shanghai, tempat beliau memberi kuliah dalam Seni Barat di Kolej Seni Halus Shanghai dari tahun 1933 sehingga tahun 1937. Liu Kang berhijrah ke Singapura pada tahun 1942. Walaupun beliau tidak berada di kalangan staf guru Akademi Seni Halus Nanyang, beliau turut dikaitkan dengan perkembangan artistik kontemporarinya di akademi tersebut. Karya-karya beliau dicirikan dengan kesederhanaan agung dan kelihatan realistik tanpa bersifat semulajadi.

Pelukis cat air, **Lim Cheng Hoe** (1912-1979), sebenarnya, tidak tergolong dalam skop gaya, falsafah serta ideologi pelukis-pelukis Nanyang. Namun begitu, saya telah mengikut fikiran sendiri dan memutuskan untuk memasukkan beliau di dalam pembicaraan ini kerana suatu kajian sumber kewujudan suasana seni moden Singapura tidak lengkap tanpa menyebut beliau. Menurut T.K. Sabapathy dalam artikelnya *Image and Medium - The Painted World of Lim Cheng Hoe*. Lim mempunyai minat yang sama dengan kontemporarinya — "...melihat dan melukis alam yang jelas di sekeliling dan...mencedok subjek-subjek dari alam sekeliling untuk tujuan penggambaran. Landskap dan bayangan Singapura digambarkan dalam karya-karya para pelukis ini” (Sabapathy, 1986: 11)

Lim Hak Tai dan Akademi Seni Halus Nanyang

Aktiviti artistik pelukis-pelukis Nanyang dan pengaruh mereka berpusat di Akademi Seni Halus Nanyang, tempat kebanyakan daripada mereka mengajar. Contohnya, Cheong Soo Pieng mengajar di akademi tersebut dari tahun 1947 sehingga tahun 1961 apabila beliau menjadi pelukis sepenuh masa sementara hubungan Chen Wen Hsi dengan akademi itu

adalah di antara tahun 1951 hingga tahun 1959. Chen Chong Swee mula mengajar di akademi ini pada tahun 1951 dan terus berada di situ sehingga persaraannya pada tahun 1972. Gougette Chen, sebaliknya, tetap bersama akademi itu dari tahun 1954 hingga tahun 1981 (Sheares & Koay, 1987). Justeru itu, memang berfaedah untuk menyimpang dari tajuk perbincangan untuk mengikuti serba sedikit tentang pembentukan Akademi Seni Halus Nanyang, pusat utama semua aktiviti ini.

Jadi satu ruangan khas mesti diberi kepada Lim Hak Tai yang telah memulakan Akademi Nanyang. Tan Tee Chie berkata dalam majalah *Nanyang Academy of Fine Arts 40th Anniversary Souvenir Magazine* bahawa pengasasan akademi ini adalah berkaitan dengan peristiwa *Lou Kou Chiao* di China yang berlaku pada 7 Julai 1936 apabila pihak Jepun menyerang negara China; akibatnya orang Cina secara beramai-ramai berhijrah ke Laut Selatan dan juga ke Singapura.

Pertemuan yang bersejarah di antara Lim Hak Tai (1893-1963), seorang pendidik seni lukis dari Amoy dan juga salah seorang penghijrah, dengan Tan See Siang, seorang peniaga dan bekas penuntut Sekolah Chi Mei di Amoy akhirnya menyebabkan pengasasan sekolah seni ini pada penggal musim bunga tahun 1938 di Geylang dan kemudiannya di 93, Serangoon Road. (Tan, 1977 dan Piyadesa & Sabapathy, 1979). Pendidikan seni di Singapura pada tahun 1930-an boleh dikatakan hampir tidak wujud. Ia merupakan Zaman Kemelesetan Ekonomi dan keadaannya begitu teruk sehinggakan kerajaan terpaksa menghadkan kemasukan para penghijrah ke Singapura. Walaupun Chen Chong Swee mengatakan bahawa terdapat satu persatuan seni yang mempunyai bilangan ahli seramai 82, hampir tiada alam seni yang aktif pada ketika itu. Sebenarnya, Syed Ahmad Jamal telah mengatakan bahawa Mohd Hoesein Enas, pelukis perintis Malaysia yang telah pergi ke Pulau Pinang dari Indonesia via Singapura telah disebut sebagai berkata bahawa "alam seni di Singapura sudah mati." (Jamal, 1987) Lantaran itu, Akademi Seni Nanyang telah ditubuhkan melalui rnsnan dan wawasan Lim Hak Tai dengan objektif-objektif berikut:

"menyepadukan kebudayaan bangsa-bangsa berlainan;
menggabungkan kesenian Barat dan Timur;
menganjalakkan semangat saintifik dan hati nurani sosial;
mewujudkan satu bentuk seni yang tipikal dengan

negara tropika kita;
memupuk bakat kreatif" (Gwee, 1991)

Dengan kejatuhan Singapura kepada tentera Jepun semasa Perang Dunia Kedua, sekolah seni ini berhenti berfungsi. Sekolah ini dibuka semula pada musim bunga tahun 1946 di 49 St. Thomas Walk, selepas Tentera Jepun menyerah kalah pada musim luruh tahun 1945. (Tan, 1977) Pada tahun 1982, kampus kedua (San San) dibuka di Sophia Road sementara kampus pertama diberikan nama baru iaitu Kampus Hak Tai untuk memperingati pengasasnya. Tahun 1986 pula memperlihatkan penambahan kampus ketiga (Nan Hua), juga di Sophia Road. Pada tahun 1991, akademi ini telah berkembang lagi untuk memuatkan bangunan sekolah setinggi 10 tingkat di persimpangan Short Street dan Selegie Road. Dengan ihsan kerajaan Singapura, ini dijadikan kampus NAFA (Akademi Seni Halus Nanyang). (Gwee, 1991)

Penutup

Kesan dan pengaruh pelukis-pelukis *Nanyang* tidak boleh dinafikan. Pelukis-pelukis generasi pertama telah memilih Aliran Paris dengan sumber-sumber seninya yang begitu banyak yang diambil daripada seluruh sejarah seni sebagai contoh mereka semasa mencari seni baru. Contoh ini menyediakan sumber-sumber bergaya tanpa mengena ideologi. (Sabapathy, 1979) Oleh itu ia merupakan contoh yang baik untuk diikuti oleh para seniman yang ingin mencuba pendekatan yang baru terhadap seni.

3. I have briefly discussed the works of some of the pioneers in Chew Teng Beng, *The Visual Arts in Penang: An Overview*, in Tan Chee Khuan, *Penang Artists: 1920 - 1990* (Penang: The Art Gallery, 1990), p. 23.

PELUKIS-PELUKIS PERINTIS MALAYSIA
PIONEER ARTISTS OF MALAYSIA

YONG MUN SEN

Tanpa menyebut sumbangan Yong Mun Sen yang diktiraf sebagai 'Bapa Seni Lukis Malaysia' sesuatu pembicaraan seni lukis itu dianggap kurang lengkap.

Yong Mun Sen dilahirkan pada 10 Januari 1896 di ladang kelapa bapanya di Kuching, Sarawak dengan nama asalnya, Yen Lang. Pada tahun 1901, beliau menerima pendidikan formal di Tai-Pu di daerah Kwantung, China dengan mempelajari teknik-teknik lukisan berus Cina dan kaligrafi. Beliau kembali ke Kuching pada tahun 1910. Pengalaman beliau menyaksikan seorang pelukis Jepun melukis dengan cat air telah meninggalkan kesan-kesan mendalam yang tidak dapat dilupai.

Pada tahun 1914, beliau berkunjung ke China tempat beliau melukis gambar-gambar kemuliaan dan kemegahan singa dan harimau yang amat disukai oleh panglima-panglima perang pada zaman itu. Dua tahun kemudian, beliau mengahwini Lam Sek Foong yang kemudian melahirkan lima orang anak. Beliau kembali ke Sarawak pada tahun 1917.

Sebagai seorang peladang, beliau dapat hidup dalam kesenangan. Akan tetapi, beliau memilih bidang seni lukis sebagai kerjayanya walaupun beliau menyedari hakikat bahawa kehidupan seorang pelukis dikerumuni masalah, dipenuhi kesesahan serta kekecewaan dan tidak banyak membawa ganjaran.

Pada tahun 1918, beliau diambil bekerja di dalam sebuah kedai buku di Singapura dan berkhidmat di kaunter kedai buku sekolah. Beliau mula mencintai pemandangan bandar Singapura yang kemudian dipamerkan dalam beberapa lukisan cat airnya. Pada tahun 1920, beliau berpindah dari kedai buku Singapura ke cawangan Pulau Pinang yang di Carnavon Street. Beliau kagum dan terpesa dengan keindahan dan kecantikan pulau ini.

Beliau menukarkan namanya kepada Yong Mun Sen pada tahun 1922 dan kemudian mendirikan studio seni Tai Koon di Chulia Street. Beliau berkecimpung dalam bidang fotografi secara serius dan menghasilkan beberapa arca kapur Paris. Pada tahun 1930, beliau memindahkan studionya ke Penang Road dan menamakannya studio Mun Sen. Pada tahun berikut lantaran kejayaan dalam kariernya, beliau membuka studio tambahan di sebuah rumah besar yang lama di Northam Road. Pada masa yang sama,

beliau mula menghayati hasil-hasil karya pelukis Eropah terutamanya lukisan Van Gogh dan Gauguin melalui buku-buku. Lukisan Gauguin khususnya banyak mempengaruhi perkembangan gaya lukisan Mun Sen, terutama catan minyaknya.

Kelab Seni Lukis Cina Pulau Pinang ditubuhkan lebih kurang pada tahun 1936 apabila pelukis-pelukis Pulau Pinang mulai berkenal-kenalan. Mun Sen telah dilantik sebagai Timbalan Presiden kelab itu. Pada tahun berikut Mun Sen menjadi Presiden. Dengan ancaman meletusnya Perang Dunia Kedua pada tahun 1939, Kelab Seni Lukis Cina Pulau Pinang pun dibubarkan dan tidak ditubuhkan semula. Jangka masa pendudukan Jepun di Malaya dari tahun 1941 hingga tahun 1945 merupakan tempoh yang paling tidak produktif bagi Mun Sen. Beliau terpaksa bergantung kepada perkecuaan untuk hidup.

Setelah kematian isterinya, Mun Sen berkahwin semula dengan jelitawan Yao Chew Mooi, anak gadis Yao Swee Lum dari Ipoh (seorang keturunan Kapitan Cina Yap Ah Loy). Perkahwinan ini dikurniakan dengan empat orang anak lelaki dan dua orang anak perempuan. Selepas tamatnya perang, Mun Sen bertambah produktif dalam karyanya dan menjadi semakin terkenal melalui pameran-pamerannya di Malaya dan Singapura serta melalui orang hubungan asing di Britain, Amerika Syarikat dan Australia.

Keterampilan Mun Sen ialah catan landskap dalam cat air. Beliau pernah menjalankan percubaan dalam media cat minyak dan lukisan berus Cina tradisional dengan memperolehi kejayaan yang memuaskan. Namun demikian, dalam media cat air, beliau paling cemerlang. Catan pemandangannya yang kelihatan mudah dilaksanakan, dihasilkan dengan menggunakan sapuan basuhan penuh cair. Hasil karya beliau mencerminkan percubaannya untuk memasukkan unsur-unsur artistik Cina. Pengaruh seni Cina mengakibatkan gubahan beliau lebih menekankan unsur-unsur linear dalam pemandangan yang dilukis olehnya. Beliau mengawal media cat air dengan baik; membenarkan kejernihan dan kecairan memberi irama.

Aliran perkembangan seni lukis antarabangsa terhadap ekspresionisme akhirnya mempengaruhi beliau, dan hasil beliau pada tahun 1949: satu siri catan cat air abstrak dengan kesan-kesan

tona warna surealis. Pada tahun 1956, beliau mengalami serangan strok yang pertama. Beliau mengetepikan kesakitannya dan terus melukis. Walau bagaimanapun, keadaan kesihatannya yang semakin tenat serta beban kewangan akhirnya menimbulkan banyak kekecewaan. Beliau meninggal dunia pada 29 September 1962.

Sepuluh tahun kemudian, pada bulan Mac 1972, Balai Seni Lukis Negara telah memulakan Mendingi Yong Mun Sen dengan satu Pameran Seni Lukis Memorial. Pada bulan September 1972, Muzium dan Balai Seni Lukis Negeri Pulau Pinang telah mengadakan Pameran Seni Lukis Memorial Mun Sen. Karya-karya Mun Sen akan senantiasa disanjung tinggi dan dijamin tempatnya dalam tradisi seni lukis Malaysia.

WAWANCARA DENGAN DATUK TAY HOOI KEAT OLEH CIK ONG CHO SUAT (NATIONAL ECHO 24-9-80)

"Mun Sen sering berkata bahawa kekentalan air amat penting. Jikalau terdapat keterlaluan warna dan berus yang digunakan tebal, maka sesuatu lukisan itu akan kelihatan berserbuk sesudah ia kering. Lukisan itu tidak akan kelihatan jelas dan terang. Sebaliknya, jikalau terdapat keterlaluan air, lukisan itu akan kelihatan pudar dan tidak menarik pula.

Beliau membandingkan keadaan ini dengan rawatan seorang doktor. Sekiranya ubat yang digunakan terlalu kuat, pesakit itu akan mati. Ubat yang lemah pula tidak akan mengubati pesakit."

(Datuk Tay menyertai darmawisata-darmawisata seni lukis bersama-sama dengan Yong Mun Sen dari tahun 1936 sehingga meletusnya Perang Dunia Kedua. Mun Sen telah mengukuhkan cintanya terhadap alam dan mengajarnya teknik-teknik cat air yang bagus. Mereka menjelajah kampung-kampung, pondok-pondok nelayan, pantai, lagun dan cahaya matahari tropika yang bersinar serta membayangi pemandangan-pemandangan ini.)

YONG MUN SEN - KAWAN DAN MENTOR.... OLEH DATO' MOHD HOESSEIN ENAS

Saya masih ingat masa silam di Pulau Pinang pada awal tahun 1948 apabila saya sering

membuat lawatan ke galeri/studio Mun Sen di Penang Road. Saya amat bertuah kerana merupakan salah satu kawan akrabnya. Yong Mun Sen seorang yang pendiam tetapi sifatnya ramah. Beliau merupakan pendorong utama yang menggalakkan saya melukis. Pada awalnya beliau tidak berkeyakinan yang saya akan menjadi seorang pelukis yang matang. Tetapi pada masa itu saya hanya berusia 24 tahun dan berasa malu untuk menunjukkan hasil-hasil saya kepadanya.

Masa berlalu dan persahabatan kami semakin rapat. Oleh sebab tertarik kepada lukisan beliau, saya pun mengunjunginya beberapa kali seminggu. Beliau tidak begitu fasih dalam Bahasa Inggeris tetapi kami dapat berkomunikasi di dalam 'Bahasa Melayu pasar'. Bahasa tidak pernah menjadi penghalang kepada persahabatan kami. Sepanjang masa saya bersamanya, tidak pernah saya melihat Mun Sen melukis; sebaik sahaja saya tiba, beliau akan meletakkan berusny dan kami akan berbual.

Mun Sen sering menjemput saya minum di kedai kopi berhampiran galerinya. Saya pernah memanggil beliau "Pakcik Yong" (Uncle Yong) dan saya bukan sahaja suka kepada beliau malah kepada keluarganya juga. Persahabatan kami berterusan seperti biasa walaupun saya terpaksa berpindah ke Kuala Lumpur pada tahun 1949 selepas pameran pertama saya yang diadakan di British Council Centre di Young Road, Kuala Lumpur.

Saya berasa amat sedih dengan kematian beliau pada tahun 1962. Bukan sahaja saya yang kehilangan seorang kawan yang ikrah malah Malaysia telah kehilangan seorang perintis seni lukis yang unggul dan seorang pendorong seni lukis Malaysia terulung.

Tidak lama selepas kematiannya seorang daripada anak-anaknya telah muncul di rumah saya dengan sebuah lukisan cat air panorama Georgetown dari Bukit Bendera. Katanya, lukisan itu adalah salah satu hasil ayahnya dan ayahnya hendak menghadiahinya saya lukisan itu. Saya berasa terharu menerima hadiah istimewa itu yang akan saya abadikan. Lukisan itu ditandatangani dengan perkataan "Mun Sen 48". Setiap kali saya menatap lukisan itu, kenangan manis bersama Yong Mun Sen akan menjelma.

YONG MUN SEN



No discussion of Malaysian art today is possible without mentioning the contributions of Yong Mun Sen, the Father of Malaysian Painting.

He was born on 10 January 1896 in his father's coconut estate in Kuching, Sarawak with the original name of Yen Lang. He went to Tai-Pu in the Kwangtung province of China in 1901 for formal education in the proper use of brush and calligraphy. He returned to Kuching in 1910. The experience of watching a Japanese artist painting with watercolours left an unforgettable impression on him.

In 1914, he visited China where he painted grandiose pictures of lions and tigers, which were much loved by the warlords of the time. Two years later, he married 16 year old Lam Sek Foong who was to bear him five children. He returned to Sarawak in 1917.

He could have settled for a life of ease as a wealthy planter but he chose to answer the call of art. Knowing full well that an artist's fate was endless toil, strife and frustration, for which there could never be real compensation he bravely accepted his destiny.

In 1918, he became an employee at a bookshop counter. He developed a love for the Singapore urban scene which he later depicted in numerous watercolours. In 1920, he was transferred to the Penang branch of the bookshop at Carnarvon Street. He saw the lovely island and was captivated by its beauty and charm.

In 1922, he changed his name to Yong Mun Sen and set up Tai Koon art studio in Chulia Street. He took up photography seriously and executed some plaster-of-paris sculpture. In 1930, he moved his studio to Penang Road and renamed it Mun Sen studio. He was so successful in his career that he opened an additional studio the next year, at an old mansion at Northam Road.

Around this time, he became acquainted with the works of European artists through books, particularly those on Van Gogh and Gauguin. The latter particularly had a very strong influence on the development of his style, especially in his oil paintings.

Around 1936, several Penang artists discovered one another and decided to form the Penang Chinese Art Club, with Mun Sen as the Vice-President. He became the President of the club the following year. With the advent of the Second World War in 1939, the Penang Chinese Art Club was disbanded never to be reformed again. The period of the Japanese Occupation of Malaya from 1941 to 1945 was the most unproductive period of his life. He had to turn to farming for survival.

Following the death of his wife in 1941, he married the beautiful Yao Chew Mooi, the daughter of Yao Swee Lum from Ipoh (a descendant of Kapitan China Yap Ah Loy). She eventually gave birth to four sons and two daughters. After the war was over, he was very productive and became well-known through his exhibitions in Malaya and Singapore and also through foreign contacts in Britain, U.S.A. and Australia.

Mun Sen's forte was landscape in watercolour. He did make frequent sallies into oil and Chinese traditional brush painting with success, but it was in the watercolour medium that he excelled. His uncomplicated landscapes were executed in fluid, full-flood washes. His work reflected conscious attempts to incorporate the Chinese artistic spirit. The influence of Chinese art resulted in his compositions being more airy and generalised in treatment, revealing a concern for linear properties and surface design. He was not interested in providing details or factual depiction of the landscape he observed. He controlled the watercolour and allowed translucency and fluidity to render the rhythms.

The international contemporary art trend towards expressionism finally caught up with him in 1949 and the resultant heady ferment produced a series of abstract water-colours with surrealist undertone. In 1956, he had the first of several strokes and despite his physical infirmity, struggled to paint. However, continued illness and financial hardship eventually led to profound despair. He died on September 29th 1962.

Ten years later, in March 1972, the National Art Gallery honoured him with a Memorial Exhibition. In September 1972, the Penang Museum and Art Gallery organised a Mun Sen Memorial Art Exhibition. With impartial and intelligent appraisal, his works would always retain the honoured place in Malaysian art they deserve.

**AN INTERVIEW WITH DATUK TAY HOOI
KEAT BY MS ONG CHOO SUAT
(NATIONAL ECHO 24.9.80)**

"Mun Sen constantly mentioned that the consistency of the water was important. If there was too much colour and the brush was thick, the painting could look powdery when it dried. Then it would not be lucid and transparent. If there was too much water, the painting would look insipid when dry.

He compared the situation with a doctor's treatment for a sick man. If the medicine was too strong, the patient would die. If it was too weak, he won't recover."

[Datuk Tay went on painting excursions with Mun Sen from 1936 till the outbreak of the Second World War. Mun Sen reinforced his love of nature and taught him sound watercolour technique. Together, they explored kampongs, fishermen's huts, beaches, lagoons, and the tropical sun casting light and shadows on these scenes.]



Kampung
Village

28 X 28 cm

Cat Air
Watercolour on paper

**YONG MUN SEN - FRIEND AND MENTOR...
BY DATO' MOHD HOESSEIN ENAS**

I will remember the old days in Pulau Pinang in early 1948 when I used to pay frequent visits to Yong Mun Sen's gallery/studio in Penang Road.

How fortunate I was to be numbered amongst his close friends. Yong Mun Sen was a quiet but friendly man who gave me the encouragement and drive to persevere with painting. In the early days he seemed to have little confidence in my becoming a mature artist - but at the time I was only 24 years old and was far too shy to show my works to him.

As time passed, however, we became closer and my enchantment with his painting drew me to visit him several times each week. He was not fluent in English but we managed to communicate in "market Malay" - and language was never a barrier to our blossoming friendship. During all that time I never managed to see him actually painting; as soon as I arrived he would lay down his brush and start to chat.

Mun Sen often invited me for drinks at a coffee-shop near his gallery. I used to call him "Uncle Yong" and not only was I immensely fond of him but also very fond of his family. Our friendship continued as ever, even though I had to move, in 1949, to Kuala Lumpur after my first exhibition which was held at the British Council Centre at Young Road, Kuala Lumpur.

I was deeply saddened by Mun Sen's death in 1962. Not only had I myself lost a dear friend, but Malaysia had lost a pioneer artist and an avid promoter of Malaysian art.

Not long after his death, one of his sons appeared at my house with a water-colour of a panoramic view of Georgetown from Penang Hill. This painting, he told me, was one of his father's works and his father had wanted me to have it. I was deeply touched to receive this most special gift which I shall always treasure. The painting itself was signed simply "Mun Sen 48". Every time I look at it, it brings back happy memories of my long association with Yong Mun Sen, friend and mentor.

Tiga buah lukisan Yong Mun Sen, termasuk 'Kabus Pagi' (cat air) dan 'Cendekiawan' (cat minyak) telah diterima oleh rumah lelang Christie untuk jualan lelong *Lukisan Asia Tenggara dan Hasil Seni serta Barang Kemas Baba Nyonya* di Singapura pada 27 Mac 1994.

Three paintings by Yong Mun Sen, including 'Morning Mist' (watercolour) and 'The Scholars' (oil) were accepted for Christie's South East Asian Pictures, Straits Chinese Works of Art and Jewellery auction in Singapore on 27 March 1994.



Foto yang menunjukkan Yong Mun Sen dalam proses melukar
Photo of Yong Mun Sen sketching



Gambar foto perkahwinan yang diambil oleh Mun Sen
Wedding photograph taken by Mun Sen

YONG MUN SEN

oleh Brother Joseph McNally

Yong Yen Lang dilahirkan pada tahun 1896 ke dunia yang didominasi oleh dua wanita yang sangat berkuasa. Beliau menjadi ahli dunia yang dikuasai oleh mereka. Di Beijing, Maharani Dowager sedang menggonggong Empayarnya yang kucar-kacir. Di London pula, Ratu Victoria mula menunjukkan tanda-tanda kenyanyukan dan tidak mampu hidup lama lagi. Mun Sen akan menyaksikan perubahan yang besar dalam kedua-dua Empayar itu. Dunia yang diperintah oleh kedua-dua wanita tersebut mengalami pelbagai masalah. Negara China akan jatuh dahulu. Kemudian, negara Jepun akan membangun dan menggugat kedua-dua empayar tersebut lalu menumpaskan mereka sebelum Jepun sendiri dikalahkan. Sepanjang hayatnya, Mun Sen telah mengibarkan bendera Union Jack, bersujud menyembah 'Empayar Naga', memberi tabik kepada panji Kuomintang, mendengar teriakan kejayaan "banzai" daripada pasukan tentera Jepun dan melihat pemusnahan kebudayaan Cina yang abadi oleh pihak komunis. Semasa beliau djangkiti penyakit, negara adopsinya sedang bergerak ke arah kenegaraan dan ketika beliau sedang nazak, Singapura dan tanahairnya Sarawak bersama Malaya bergabung dalam satu Persekutuan yang kemudian dinamakan Malaysia.

Dari segi etnik dan kebudayaan, Mun Sen memang berbangsa Cina. Tempat kelahiran beliau terletak di suatu kawasan yang agak tersembunyi dan jauh daripada kawalan panglima-panglima perang Cina. Ia merupakan kota kara Empayar British. Negeri Sarawak pada masa itu diketuai oleh Rajah Brooke yang bukan sahaja berkelakuan seperti seorang Sultan Melayu malah juga mempraktikkan amalan membayar ufti kepada London. Terdapat orang Iban, Melayu, Eropah dan juga orang Cina di Kuching. Sebagai seorang budak kecil, beliau sepatutnya menjadi bingung dengan kerumitan masyarakat majmuk ini. Tetapi keluarga beliau berada dan kehidupan beliau senang. Jadi beliau tidak perlu risau tentang perkara ini. Loghat Kantonis merupakan bahasa utama di rumahnya.

Moyang Yen Lang, Yong Soon Ngo merupakan salah seorang penatap Cina yang terawal di Kuching. Beliau telah meninggalkan kampung leluhurnya, Tai-pu di wilayah Kwangtung kira-kira pada tahun 1840. Ramai yang telah tertarik dengan kewujudan emas di daerah Bau tetapi Soon Ngo telah menceburi diri dalam bidang pembangunan tanah. Anakny, Woon Chun dan cucunya Boon Chan terus menambahkan harta keluarga dan semasa Yen Lang dilahirkan, mereka telah pun memperoleh banyak pemilikan termasuk ladang

kelapa dan lada hitam di kawasan desa yang berhampiran serta sebuah kedai runcit yang juga mengendalikan urusniaga import-eksport di bandar Kuching sendiri.

Pendidikan Inggeris semakin mantap pada permulaan abad kedua puluh tetapi pendidikan ini bukan untuk Yen Lang. Keluarga beliau berpendapat bahawa justeru beliau berbangsa Cina, beliau patut dididik dalam cara Cina. Jadi pada usia yang muda iaitu lima tahun, beliau kembali ke kampung leluhurnya di China untuk diajar kebudayaan Cina yang sejati. Tai-pu merupakan tempat beliau menghabiskan enam tahun daripada kehidupannya. Beliau bukan sahaja mempelajari asas-asas klasik Cina dan menyembah berhalwa nenek-moyang malahan menerima didikan asas yang sempurna dalam kaligrafi serta kawalan berus Cina termasuk cara menggunakan cat air Cina. Kemahiran ini akan menyera hidupnya pada tahun-tahun yang akan datang. Beliau dikatakan malas melaksanakan kerja di sekolah tetapi sangat tekun dalam mata pelajaran lukisan. Buku latihannya diconteng dengan lukisan dan lakaran tetapi ini tidak dianggap sebagai suatu perkara yang lucu oleh gurunya. Pada satu masa, gurunya telah meneliti coretan Yen Lang dan temampak satu kartun yang menggambarkan dirinya (guru itu) dalam aktiviti yang normal tetapi boleh dikatakan mengaibkan. Kita dibentahu bahawa guru itu telah hilang kesabarannya pada hari itu.

Dinasti Manchuria yang korup pada masa itu sedang kehilangan kuasa dalam Empayarnya sementara Sun Yat Sen pula mengukuhkan kedudukannya pada ketika itu. Namun peristiwa-peristiwa yang istimewa ini menjadi kurang penting kepada Yen Lang kerana dibayangi oleh peristiwa kematian ayahnya yang telah meninggalkan tiga orang anak lelaki dan lapan orang anak perempuan. Sebagai anak sulung, Yen Lang kini menjadi ketua keluarganya pada usia mentah dua belas tahun.

Pada tahun 1910, beliau kembali ke Kuching dan ke ladang kelapa keluarganya. Beliau seorang yang suka berangan-angan dan lebih tertarik dengan keindahan palma kelapa daripada kopra yang dihasilkan sebagai tanaman kontan. Pada masa inilah beliau telah mula mengukir—kebanyakannya panel ukir timbul kecil yang memaparkan pemandangan tempatan atas kepingan papan. Beliau juga menghasilkan tiruan ukiran yang pernah beliau lihat pada kuil-kuil di China. Ini merupakan satu latihan yang baik untuknya dan melibatkan koordinasi mata dan tangan.

Lantaran beliau masih seorang budak kecil lagi, keluarganya tidak melemahkan semangatnya dalam usaha penuntutan artistiknya. Tiada banyak yang dapat beliau lakukan di antara musim menuai. Persekolahan selama enam tahun telah memberikan beliau kebolehan membaca dan menulis yang mencukupi untuk seumur hidup. Beliau bukan seorang yang kuat membaca. Beliau tidak melibatkan diri dalam penuntutan sains ataupun sastera.

Takdir telah memberikan beliau peluang melihat seorang pelukis beraksi semasa beliau sedang berjalan-jalan di ladangnya. Pelukis Jepun itu telah menggunakan cat air untuk melukis keindahan palma kelapa. Yen Lang terpesona menyaksikan pelukis itu bekerja. Beliau berazam menjadi pelukis, walau apa pun.

Pada masa ini beliau mula melakar sebarang benda yang beliau lihat. Takdir sekali lagi memainkan peranannya apabila seorang warganegara Belanda menghadiahi beliau satu set cat air. Dengan ini, kerjayanya sebagai seorang pelukis pun bermula.

Beliau berada di China semula bersama adiknya pada tahun 1914. Keadaan di situ pada masa itu amat berbeza dengan keadaannya empat tahun yang lalu semasa beliau meringgalkan China dahulu. Sebuah republik telah diisytiharkan dan Dinasti Manchu yang korup sudah tidak wujud lagi. Panglima-panglima perang sering mengganas di kawasan desa dan komoditi-komoditi tidak mencukupi. Beliau telah membawa cat air kesayangannya bersamanya dan tidak berlengah-lengah untuk memulakan kerja. Semua benda dalam alam menarik perhatiannya. Adiknya, Yen Koon ditugaskan mencari-cari di kawasan desa dan membawa balik sebarang benda yang dapat dikaji oleh Yen Lang. Ulat beluncas, belalang dan rama-rama telah dikumpul dan diteliti oleh pelukis muda ini. Tidak lama kemudian, cat air yang dibawa bersamanya dari Kuching pun habis. Beliau mengambil tanah liat yang berwarna dan berjaya menggunakannya sebagai cat dalam cara tradisional. Beliau memang mempunyai daya mencipta.

Beliau sekarang melukis dengan gaya Cina. Di samping mengkaji alam beliau juga mempelajari cara menggambarkan singa, harimau, burung phoenix serta naga yang sangat digemari oleh kebudayaan Cina pada masa itu. Kita hanya mempunyai satu lukisan daripada zaman itu

yang masih kekal hingga ke hari ini. Ia merupakan lukisan seekor harimau yang dilukis dalam cara yang megah dan ini lebih membuktikan kebolehannya. Malahan meniru merupakan satu aktiviti yang munasabah untuk seorang pelukis Cina yang bercita-cita tinggi. Hakikat ini telah diterima oleh teori-teori Hsieh Ho seribu lima ratus tahun dahulu. Seseorang itu haruslah meniru supaya dapat belajar mengawal gerakan berus untuk kaligrafi. Justeru itu, Yen Lang meniru lukisan-lukisan lain.

Apabila beliau berumur dua puluh tahun, beliau telah beristerikan seorang gadis kampung - Lam Sek Foong yang berumur enam belas tahun. Perkahwinan ini merupakan perkahwinan yang telah lama diatur oleh kedua-dua keluarga pengantin. Oleh sebab tiada sebarang hal yang membangkit di China, pasangan suami isteri ini pun menuju ke Kuching untuk memulakan rumah tangga di koloni British ini yang juga merupakan tempat kelahiran mempelai lelaki.

Yen Lang pulang untuk bekerja di ladang kelapa yang keluarganya mempunyai syer dan kini menjadi tanggungjawab beliau sebagai seorang lelaki beristeri. Beliau telah mewarisi bahagian pemilikan ayahnya dalam ladang ini tetapi pakciknyanya masih lagi hidup dan merupakan orang yang mengendalikan tempat itu. Pakciknyanya membayar Yen Lang \$14 sebulan. Dari permulaan lagi perhubungan Yen Lang dengan pakciknyanya kurang baik. Yen Lang berasa dirinya dibayar gaji kurang daripada sepatutnya. Pakciknyanya pula menyalahi Yen Lang kerana ia tidak bekerja. Terdapat banyak kerja untuk dilaksanakan - menjaga pepohon yang muda, memotong lalang dan rumput, mengumpulkan hasil, mengeluarkan sabut serta memasarkan kopra. Di mana Yen Lang apabila dia sepatutnya membantu? Pada pandangan pakciknyanya, Yen Lang hanya membuang masa melukis gambar-gambar. Ini tidak boleh dibiarkan berterusan.

Terdapat juga kebenaran dalam sungutan pakciknyanya. Untuk menambahkan pendapatannya yang tidak seberapa itu, Yen Lang menghasilkan banyak karya seni pada masa itu. Adiknya, Yen Koon dengan amat ingat tentang percubaan Yen Lang dengan cat minyak, ukiran kayu dan juga rekabentuk batiknya. Pada masa inilah beliau telah melukis seekor harimau gunung dalam dakwat Cina yang masih kekal hingga ke hari ini - ia merupakan peninggalan karya awal beliau yang unggul.

Isteri Yen Lang melahirkan seorang anak perempuan semasa kemuncak pergaduhannya dengan pakciknyanya. Perkara ini dibawa ke mahkamah dan Yen Lang menerima \$1,000 sebagai pembayaran syer estet beliau. Beliau memutuskan untuk berhijrah kerana bimbang akan keselamatan diri.

Beliau berada di Singapura pada tahun 1918. Pada mulanya, beliau bekerja di sekolah dan di kedai buku Kee Huar. Beliau bertugas sebagai penjaga sekolah dan juga berkhidmat di kaunter kedai buku. Beliau masih terus melukis dan berjaya menjual lukisannya di kedai buku itu. Beliau melukis apa sahaja yang diminta; papan tanda, poster, tirai belakang. Beliau menghasilkan patung dan juga mempamerkan karya-karyanya di kaki lima. Beliau mula mencintai Singapura dan juga pemandangannya yang telah dilukis olehnya dalam segala suasana. Beliau dan pelukis-pelukis lain sering keluar untuk membuat lakaran dan tali silaturahim yang dijalin oleh mereka berkekalan seumur hidup. Sesungguhnya aktiviti melakar itu merupakan 'aliran pelukis' tunggal yang terdapat di Singapura untuk dua puluh tahun yang akan datang sehinggalah penubuhan Akademi Nanyang. Dari masa ke masa, Yen Lang kembali untuk melukis Singapura tercinai dengan semangat yang baru. Beliau kini menghabiskan tempoh dua tahun untuk bekerja di Singapura. Pada tahun 1920, beliau dipindahkan ke cawangan Kedai Buku Kee Huar di Pulau Pinang.

Beliau terpesona dengan keindahan Pulau Pinang dengan serta-merta. Beliau begitu tertawan dengan pulau itu sehinggalah untuk 42 tahun daripada hidupnya yang tinggal, beliau tidak pernah meninggalkan pulau itu untuk tempoh yang lama. Pulau Pinang telah menjadi tempat kediamannya. Isterinya ikut serta di sana dan keempat-empat anaknya yang berikut dilahirkan di situ. Choon Wah dilahirkan pada tahun 1921, Lan Teow pada tahun 1923, Min Wah pada tahun 1925 dan Chiu Wah pada tahun 1928.

Pada tahun 1922, beliau menukar namanya kepada Mun Sen. Sebab-sebabnya untuk membuat demikian tidak beberapa jelas tetapi penukaran sebegini bukan perkara luar biasa. Kadang-kala ia dilaksanakan kerana keinginan untuk mendapat 'nasib yang lebih baik.' Pada tahun 1922, beliau berusia 26 tahun. Beliau masih belum boleh dikatakan seorang pelukis yang matang pada masa itu. Karya beliau masih pada tahap percubaan dan jelas dipengaruhi oleh kaligrafi zaman persekolahannya di China.

Beliau masih melukis harimau dan satu daripadanya terdapat di dalam Kuil Kek Lok Si di Pulau Pinang. Beliau juga mencuba-cuba dalam arca kapur Paris (plaster of Paris). Malangnya contoh-contoh arca kapur Paris beliau telah hilang sama sekali. Di samping itu, beliau kini menumpukan minat pada bidang fotografi. Beliau lebih menganggap fotografi sebagai sumber pendapatan daripada suatu bentuk seni. Selalunya terdapat permintaan untuk potret keluarga. Beliau dikatakan pernah menggadaikan jam tangannya pada tahun 1922 sebagai bayaran muka untuk penyewaan Studio Seni Tai Koon di Chulia Street. Pelaburan beliau yang semberono itu berjaya mendatangkan keuntungan. Studio itu dapat merangkumi segala-galanya yang hendak dilakukannya. Ia telah memberikan beliau tempat mengambil gambarfoto untuk menyara hidup dan juga tempat mempamerkan catan-catan untuk dijual. Lama-kelamaan beliau telah mampu membeli sebuah kamera studio serta sebuah kamera Leica dan sebuah kamera Rolleiflex. Beliau kini mula menerima mund-mund untuk kelas bimbingan seni dan secara kebetulan pengajarannya telah memperkayakan catan sendirinya.

Dekad 20-an merupakan tempoh percubaan. Dari potret fotografik, beliau kemudian cuba melukis potret dengan menggunakan arang. Penggunaan arang ini memaksa beliau mengkaji nilai-nilai kelembutan warna. Pengkajian ini kemudian menyebabkan beliau menilai semula sifat linear kaligrafi Cina. Jadi, lahirnya gaya catan air Mun Sen yang sudah pun mapan pada awal 1930-an. Beliau juga biasa menggunakan cat air. Adiknya Yen Koon mendampingiya di Pulau Pinang pada tahun 1928.

Mun Sen memulakan dasawarsa baru dengan memindahkan studionya ke Penang Road yang lebih sibuk. Beliau telah membeli rumah bemombor 166 dan mendirikan Studio Mun Sen yang masih berkekalan sehingga ke hari ini. Beliau kini sudah mantap sebagai Mun Sen, seorang Pelukis.

Pada tahun 1931 beliau membuka studio tambahan di dalam sebuah rumah agama yang beralamat 58 Northam Road dan beliau telah tinggal di sana untuk tempoh yang agak lama. Kini, beliau sudah pun berjaya dan catan-catan nya dijual dengan hebat. Beliau memiliki sebuah motokar dan kerap merayau-rayau untuk mencari landskap yang menarik perhatiannya. Satu kawasan yang menerima perhatian beliau ialah Kuil Cina di Tanjong Tokong dengan alam persekitarannya yang dihiasi pepohon palma dan batu-batan. Beliau

melukis dalam segala suasana dan cuaca. Beliau juga mempunyai masa lapang untuk mengkaji serta menghayati buku yang memaparkan pelukis-pelukis asing. Van Gogh dan Gauguin dikatakan pelukis kegemaran Mun Sen. Daripada kedua-dua pelukis tersebut, Gauguin mempunyai pengaruh yang lebih hebat ke atas perkembangan gaya Mun Sen. Beberapa lukisan cat minyak era ini mencerminkan pengaruh Gauguin khususnya ke atas pemilihan warnanya dan juga strukturnya.

Beberapa lukisan dari zaman ini dilukis atas kanvas terkasar yang nampaknya hanya menambah semangat dan kekuatan lukisan tersebut. Yen Koon menerangkan cara Mun Sen membuat berus cat minyaknya sendiri dengan memotong hujung rotan dan kemudian menemukannya supaya menjadi bulu yang halus. Tekstur beberapa lukisan ini merupakan contoh pendekatan ini kepada perkara-perkara teknikal. Sesungguhnya seseorang jarang-jarang sekali menemui dikotomi yang lebih besar daripada pembahagian di antara 'daya kekerasan' catan minyaknya dengan kehalusan serta kelutsinaran catan cat airnya dari zaman yang sama.

Sekarang tibanya masa untuk membuat penilaian tentang keadaan pelukis berusia 35 tahun ini yang kini berada di ambang zaman paling kreatifnya. Pulau Pinang pada tahun 1930-an masih belum jadi sebuah pusat kesenian. Demikian juga Singapura. Tiada sekolah seni untuk melatih para pelukis dan tiada galeri seni untuk membenarkan dan menyeniman memamerkan lukisan mereka. Perpustakaan pun mempunyai hadnya sekiranya seseorang itu tidak tahu Bahasa Inggeris. Walaupun Pulau Pinang lebih maju daripada Kuching namun ia jauh berbeza daripada aliran utama seni dunia. Pengetahuan tentang pergerakan-pergerakan utama seni dunia menerobos dengan perlahan-lahan. Terdapat sedikit sahaja contoh lukisan Impresionisme, post-Impresionisme, Fauvisme dan Kubisme di dalam rumah kolonial Pulau Pinang dan ini pun tertutup kepada pelukis muda Cina ini. Oleh itu, besar kemungkinan Mun Sen tidak pernah melihat satu karya utama Seni Barat pun kerana salinan yang terdapat dalam bukunya juga agak cacat. Jadi beliau terpaksa bergantung kepada kepintaran dirinya dan juga kepada alam sebagai mentornya. Kepintaran dirinya dipupuk oleh beliau dengan tekun semenjak masa beliau belajar menggunakan berus Cina sehingga masa beliau membuat ukiran kayu, arca kapur Paris dan bereksperimen dengan tanah liat sungai serta cat minyak. Alam semula jadi tidak pernah gagal mempesonakan

Mun Sen sejak masa adiknya mengumpul belalang untuk pengkajiannya semasa mereka berada di China. Cintanya terhadap alam dalam segala suasana memenuhi kehidupannya. Di sana beliau mengkaji hubungan dan irama yang akan menghasilkan satu karya seni. Keindahan yang dapat kita lihat daripada lukisan beliau merupakan gambaran keindahan alam semula jadi. Alam menjadi guru dan juga contoh kepada beliau.

Cat air Barat merupakan media yang baik untuk merakamkan tanggapan keindahan alam beliau. Ia merupakan perkembangan daripada lukisan berus Cina yang sepatutnya tidak menghairankan kita. Jikalau beliau terus melukis dengan cara Cina seperti mana yang diajar dalam sekolah rendah, beliau mungkin terpaksa mengikuti suatu disiplin yang tegar yang akhirnya akan mengongkang gayanya. Beliau tidak dapat dipaksa menghabiskan masa bertahun-tahun berlatih menggunakan usapan yang betul untuk melukis buluh atau gunung. Beliau tidak dapat berpuas hati dengan warna hitam - bebin, merah dan firus yang terhad. Warna-warna pada pelet Barat pula dapat membekalkan kebanyakan warna yang dikehendakinya. Ia membolehkan beliau meniru warna yang kelihatan pada alam semula jadi tropika.

Apa yang menghairankan dalam catan cat air Mun Sen ialah beliau mengambil media yang paling Inggeris dan menggunakannya untuk menyaingi pelukis-pelukis Inggeris yang paling handal. Pada hakikatnya penggunaan cat air selamanya suatu bentuk seni Inggeris.

Teknik cat air yang terulung menggunakan kertas putih yang paling bermutu untuk menggambarkan tona termuda sementara warna-warna lain diolah dengan lapisan-lapisan kegelapan warna yang berturutan sehingga bebayangnya selesai. Ia berbeza sama sekali daripada cara melukis dengan warna poster atau gouache yang membenarkan pembancuhan pigmen-pigmen dengan cat putih untuk menghasilkan kesan yang samar-samar. Catan cat air yang paling baik pula berkilau dan lutcahaya dalam gaya yang sama dengan catan cat minyak Venetia yang membenarkan cahaya melantasi sepuhan warnanya yang berturutan. Natijahnya dalam kedua-dua kes ialah kepekaan tona yang mendalam. Contohnya, Turner telah menggunakan medium ini dengan paling berkesan untuk menghasilkan pencahayaan dramatik. Sesungguhnya kebanyakan pelukis cat air yang handal berbangsa Inggeris dan justeru itu golongan kolonial di Malaya berasa hairan

menemui Mun Sen, seorang pelukis didikan sendiri yang dapat menandingi sebarang apa yang dihasilkan oleh pelukis terbaik Ibu Pertiwi mereka.

Sebelum meletusnya perang, Mun Sen tidak banyak bergantung kepada pertunjukan perseorangan kerana beliau mempunyai galeri sendiri. Beliau mendominasi pameran kumpulan. Kawan beliau Encik Khaw Sia pernah mengatakan bahawa lima puluh peratus daripada lukisan-lukisan pameran itu dan juga jualan lukisan merupakan karya Mun Sen. Beliau (Khaw Sia) juga mengingati seorang pengumpul Australia yang membeli hasil Mun Sen 'pada setiap pameran.' Sememangnya karya Mun Sen memasuki koleksi kekal Australia; tiga daripadanya telah dikumpul oleh Galeri Launceston di Tasmania seawal tahun 1940.

Tidak mudahlah untuk menerangkan kejayaan Mun Sen dengan cat minyak. Catatan minyak memerlukan perantisan yang lama sedangkan kemahiran penggunaan cat air 'Inggens' boleh berkembang daripada latihan berus Cina dengan mudah sesudah seseorang pandai menggunakan nilai-nilai tona Barat dengan betul. Kemahiran penggunaan cat minyak tidak begitu senang. Karvas mestilah disediakan dengan baik dan cat mestilah digunakan bersamasama dengan minyak linsid dan turpentin yang betul untuk mendapat keputusan yang dikehendaki. Biasanya pelaburan tiga atau empat tahun di sekolah seni akan membekalkan seorang pelukis dengan ketrampilan yang diperlukan. Mun Sen terpaksa menguasai teknik melukis ini dengan titik peluh sendiri.

Alam semula jadi menjadi guru rekabentuk jika bukan guru teknik beliau. Lantaran itu beliau sering membuat lawatan lapangan untuk menghayati keindahan alam semula jadi. Pendidik seni dan purbawan yang unggul, Encik Lee Cheng Yong dan pelukis-pelukis lain sering (empat atau lima kali seminggu, selepas sekolah) menemani Mun Sen dalam lawatan lakaran beliau. Mereka terpesona dengan kebolehan luar biasa Mun Sen dalam penggambaran palma kelapa. Beliau sangat sensitif kepada bentuknya; apabila pelukis lain melukis palma kelapa itu, ia kelihatan seperti 'pohon pinang.' Beliau juga amat prolifik. "Untuk setiap lakaran kami, beliau menghasilkan empat." Encik Lee Cheng Yong juga mengingati penubuhan Persatuan Seni yang pertama di Malaya: Kelab Seni Lukis Cina Pulau Pinang pada tahun 1935 atau tahun 1936. Beliau (Cheng Yong) sendiri dilantik menjadi Presiden pertama dengan Mun Sen sebagai Timbalannya. Pada tahun berikut Mun Sen menjadi Presiden. Antara Presiden yang

kemudian termasuklah Encik Lim Cheng Ean (bapa Puan P.G.Lim) dan Encik Ong Keng Seng. Persatuan Seni Singapura ditubuhkan pada masa yang sama dan justeru itu terdapat perhubungan dan pertukaran pendapat yang tidak terputus-putus di antara kedua-dua kumpulan ini.

Semasa Mun Sen memasuki dekad 1940-an, beliau berada di puncak kehebatannya. Beliau telah merempuh kejayaan, sangat dikagumi dan sudah pun terkenal. Pelawat-pelawat dari China yang terletak jauh dan juga dari Singapura turut datang untuk melihat karya beliau. Karya beliau dikehendaki oleh muzium dan galeri. Masa hadapan beliau kelihatan cerah.

Pada tahun 1941 isteri beliau, Sek Foong meninggal dunia akibat penyakit strok; meninggalkan Mun Sen dengan lima anak mereka. Anak bongsu mereka berumur 13 tahun. Pada masa yang sama bibit-bibit perang sudah pun mula dirasakan. Lantaran itu, wang tidak banyak terdapat.

Beliau mengambil keputusan untuk berkahwin sekali lagi semata-mata untuk anak-anaknya. Reputasi beliau baik dan oleh itu tidak menjadi masalah kepada seorang telangaki profesional untuk membuat perhubungan dengan keluarga terkenal Yao Swee Lum dari Ipoh. Keluarga ini merupakan keturunan Kapitan Cina Yap Ah Loy. Mun Sen kini mengahwini jeltiwan Yao Chew Mooi. Sebagai satu penghormatan perkahwinan, beliau melukis potret Yap Ah Loy. Beliau kini memulakan keluarga kedua dengan empat anak lelaki dan dua anak perempuan. Cheng Wah dilahirkan pada tahun 1942, Sim Keow pada tahun 1943, Kheng Wah pada tahun 1945, Seng Wah pada tahun 1947, Ngean Keow pada tahun 1948 dan Fook Wah pada tahun 1949.

Pencerobohan Jepun membawa kesusahan sementara kepada Mun Sen kerana beliau kehilangan bahan lukisannya dan catannya. Beliau terpaksa menjadi pekebun untuk menyara hidup. Beliau enggan melukis untuk penakik-penakik dan sebaliknya melukis poster anti Jepun secara usahasama dengan Lee Cheng Yong. Kehidupan beliau hancur dari segi kewangan akibat peperangan. Beliau mula melukis semula dengan penuh semangat selepas pembebasan tanahairnya daripada cengkaman penjajah Jepun pada tahun 1945. Namun demikian, bahan-bahan lukisan Barat masih susah didapati. Pada peringkat ini beliau kembali menggunakan bahan-bahan lukisan Cina. Terdapat tiga skrol pada penghujung tahun 1945

dan baki bank beliau pula menunjukkan jumlah \$2446.49. Ini merupakan jumlah yang kecil untuk membina semula kekayaannya.

Sekarang mulanya dekad terakhir beliau sebagai seorang pelukis, ia merupakan zaman aktiviti kegila-gilaan. Ini berlaku sebahagiannya kerana hakikat beliau terpaksa menyara dua keluarga tetapi ia juga disebabkan oleh permintaan hasil-hasil seninya di seluruh dunia. Beliau sentiasa kepicikan wang dan cenderung menilaikan karyanya pada harga yang lebih mahal di pasaran luar negeri. Beliau menaruh harapan yang terlalu tinggi dalam karyakaryanya. Beliau tidak sedar bahawa secara bandingan, beliau masih tidak terkenal di kalangan lingkungan seni dunia luar.

Perhubungan surat-menyurat beliau dengan Lada Sykora dari Cleveland, Ohio merupakan satu contoh yang baik. Lada Sykora memulakan perhubungan ini pada tahun 1947 dengan penuh minat dan telah membandingkan hasil-hasil Mun Sen secara positif dengan karya salah seorang pelukis terbaik Cleveland, Frank Wilcox. Tetapi Sykora menganggap harga \$100 (Dollar Amerika) terlalu mahal. "Kadangkala saya tertanya-tanya kepada diri tentang tanggapan orang asing terhadap Amerika. Nampaknya mereka menganggap bahawa jalan-jalan kami diratap dengan emas dan wang dihamburkan begitu sahaja seperti konfeti. Ini mungkin aneh didengari tetapi hakikatnya wang juga susah diperolehi di sini. Kami terpaksa bekerja untuk mendapatkannya." Walau bagaimanapun, Lada Sykora berjaya mendapatkan tempat pameran untuk karya Mun Sen di Muzium Cleveland.

Namun terdapat kesulitan dalam kebudayaan dan tafsiran untuk Yong Mun Sen. Beliau menulis kepada Sykora dengan sifat segala rendah hati Konfusian dan menyatakan bahawa beliau berasa hairan kerana karya yang beliau anggap tidak berharga itu dapat dinilai pada harga yang tinggi. Sykora membalas dengan menekankan sesuatu yang tidak konsisten; "...saudara tidak berharap bahawa lukisan saudara adalah jenis bermutu tinggi. Namun saudara tidak teragak-agak untuk meletak nilai yang tinggi ke atas karya saudara." Karya Mun Sen tidak dijual di Cleveland. Surat-surat Sykora terakhir yang berturutan pada tahun 1949 agak mengecewakan. "Tiada jualan lukisan saudara kerana harganya mahal dan tolonglah Tuan, biarlah ini jadi kali terakhir yang akan saya cuba menjual gambar-gambar ... Ini merupakan peristiwa yang pahit dan sedih untuk saya....."

Hubungan beliau dengan golongan pembeli seni Australia boleh dikatakan lebih baik. Ketua perhubung beliau di Australia, Encik Ian Wilson telah melawati beliau di Pulau Pinang pada tahun 1948 dan nampaknya lebih memahami keadaan tempatan. Sebaliknya Mun Sen pula mempunyai pandangan yang lebih realistik tentang pasaran Australia dan harga catan-catannya dinilai dengan lebih rendah.

"Seni dan gaya saudara amat dihargai dan agak berbeza daripada apa yang kami biasa lihat di sini..... Saya telah pun menunjukkan lukisan-lukisan saudara kepada beberapa *connoisseur* dan sambutanannya sangat baik. Saya boleh menjualnya dengan segera tetapi saya lebih suka menunggu sehingga publisiti pengenalan melalui pameran yang akan diadakan Para pelukis di sini mengatakan bahawa saudara berjaya mengawal subjek sehingga kesempurnaan dengan gaya saudara sendiri yang mempunyai daya penarik yang hebat."

Tetapi Ian Wilson terus memberi amaran kepada Mun Sen supaya "tidak membekalkan sebarang firma Australia dengan sebarang lukisan saudara untuk seketika kerana kami sedar sekiranya kami membenarkan ini berlaku saudara akan mendapat surat tawar-menawar daripada pihak firma lain. Saya berharap saudara akan menganggap saya seperti ejen perniagaan dan publisiti saudara di Australia dan saya fikir sebarang surat yang dialamatkan kepada saudara perlu ditunjukkan kepada kami untuk dikendalikan, jika tidak, penyelewengan harga akan menyebabkan kehilangan pemasaran gambar-gambar saudara. Kami menyatakan ini kerana kami mengenali Australia."

Jualan lukisan daripada pameran pada Mac 1948 tidak sebaik seperti yang diharapkan; "pameran ini kurang menguntungkan kerana ia diadakan dekat dengan masa perayaan Easter dan lantaran itu ramai orang tidak berada di sini." Selain itu, "tujuh pameran lain turut diadakan pada masa yang sama dengan pameran saudara....."

Pada keseluruhannya kritikan orang Australia baik. Walau bagaimanapun para kritikus telah mengambil perhatian tentang dua perkara yang sudah pasti benar. Yang pertama ialah "beberapa lukisannya kelihatan seperti ia dilaksanakan di dalam studio." Pandangan kontemporari orang Australia ialah cat air sepatutnya hanya digunakan untuk lakaran yang dibuat di luar berdekatan alam semula

jadi. Kesementaraan bahantara ini menyebabkan tidak sesuai untuk "karya studio" yang kekal. Kritikan kedua ialah sesetengah lukisan Mun Sen "dianggap terlalu licin dan kurang mendalam." Dari satu segi, bahantara cat air sememangnya menyebabkan kelesinan. Dalam cara yang sama, kaligrafi Cina memerlukan kecekapan dan ketepatan. Kesemua kecekatan yang disemai daripada latihan dan perenungan yang bertahun-tahun akhirnya membolehkan seseorang menghasilkan karya dengan hanya ketangkasan pergelangan tangannya. Namun seorang *connoisseur* dapat mentafsirkan kekuatan perasaan dan emosi seorang personaliti yang serius daripada sapuan berus kaligrafi itu.

Namun demikian, implikasi para kritikus Australia ialah Mun Sen sedang menghasilkan karya-karya semata-mata untuk mendapat wang dengan cara yang senang.

Mun Sen tidak menghadapi banyak masalah semasa mempamerkan karyanya di London dan pada keseluruhannya, karya-karya disambut dengan baik dan laku dijual di sana. Terdapat beberapa surat dari peminat-peminatnya dalam fail. Beliau telah memberi banyak perhatian kepada Pesta Industri British 1948 (British Industries Fair) dan telah menyumbangkan lapan lukisannya kepada Gerai Malaya. Karya-karya ini telah ditempatkan oleh Jabatan Perdagangan dan Industri di Kuala Lumpur di bawah tajuk-tajuk berikut:

1. Seni tradisional : Menenun sarong, membuat tikar mengkuang, pisau tempa, dll.
2. Hasil-hasil Perhutanan : Rotan, Jelutong, Kulit Ular, Damar, dll.
3. Perlombongan Bijih Timah
4. Hasil-hasil Perlombongan Lain : emas, tanah liat Cina, dll.
5. Hasil-hasil Laut dan Sungai : perikanan, dll.
6. Getah : estet dan kilang
7. Kelapa : Kopra dan penghasilan minyak
Dilahirkan di Pulau Pinang pada tahun 1924, Zakariah Noor telah berpindah ke Kuala Lumpur pada tahun 1948. Beliau telah mula berkecimpung dalam lapangan seni lukis sejak di bangku sekolah lagi dan amat handal dalam media cat air. Kemudian, beliau menggunakan cat minyak. Kecekapan beliau menggunakan pisau pelet dengan gerakan tangan yang pantas memalitkan warna pada kanvas menghasilkan gubahan-gubahan yang sungguh indah, keunikan gaya beliau. Kegemaran beliau untuk menggunakan warna yang terang berseri dan berkontras dengan penggunaan kesan cahaya yang baik telah memberi kehidupan serta pergerakan kepada banyak lukisan beliau.

Kebanyakan lukisan beliau menggambarkan pergerakan dan aksi yang sememangnya gaya hidup orang Malaysia, terutamanya di kawasan-kawasan desa. Keistimewaan beliau adalah untuk merakamkan subjek-subjek laut serta alam sekelilingnya dengan sampan-sampan Melayu dan Cina, pondok-pondok nelayan, pemandangan alam perkampungan Melayu dan keadaan pasar yang sesak di dalam kesenian sang suria pagi, dengan pakaian beraneka ragam masyarakat majmuk yang menjalankan tugas seharian.

Zakariah merupakan ahli pengasas dan juga Timbalan Presiden Angkatan Pelukis SeMalaysia, Timbalan Presiden Persatuan Seni Selangor dan beberapa persatuan seni yang lain. Beliau telah memamerkan hasil-hasil beliau dalam banyak pameran yang dikelolakan oleh Majlis Seni Persekutuan, Balai Seni Lukis Negara dan Persatuan Seni Selangor. Lukisan-lukisan beliau dikumpulkan di Balai Seni Lukis Negara dan juga oleh pengumpul-pengumpul individu dan korporat, di dalam negeri dan juga di seberang laut.

Catan-catan beliau pernah dipaparkan di dalam pelbagai terbitan dan dua daripada catan beliau digunakan untuk kulit hadapan dan belakang keluaran 'Pelita' yang pertama, Jilid 1, No. 1, Ogos 1959 [sebuah majalah yang diterbitkan oleh Standard-Vacuum Oil Company dan kemudiannya Esso Standard Malaysia Ltd.].

Selain melukis, beliau juga menghasilkan hasil-pertukangan tangan seperti ukiran kayu dan model yang diperbuat daripada lilin.

SATU PENGHARGAAN KEPADA ZAKARIAH NOOR, SEORANG IMPRESIONIS MALAYA

OLEH PETER HARRIS (PELITA, JILID 1, NO. 1, 1959)

Malaya sebuah negara yang berseri dengan warna-warna yang terang dan bayang-bayang yang kuat. Rakyatnya berpakaian warna-warni dan

cahaya berkelauan memenuhi pemandangan alam. Kegemerlapan warna dan difusi cahaya ini telah mengilhamkan Zakariah Noor dan memimpin beliau dalam usaha untuk menggambarkan keindahan dan tradisi Malaya dalam bentuk gambar.

Dilahirkan di Pulau Pinang, Zakariah Noor terkenal kerana kebolehan artistik beliau sejak zaman persekolahannya. Guru lukisannya begitu kagum sehinggakan memberikan beliau pelajaran tambahan.

Apabila beliau meninggalkan alam persekolahan, beliau telah mengambil kursus melalui pos dari Press Art School, Australia kerana Malaya tidak mempunyai sekolah-sekolah seni untuk pelukis-pelukis berbakat melanjutkan latihan dalam bidang tersebut. Selain kursus ini, kemahiran beliau adalah hasil daya usaha beliau yang cekal, pemerhatian karya-karya dalam pameran tempatan dan perhubungan beliau dengan para pelukis tempatan.

Beliau seorang ahli yang aktif dalam Persatuan Seni Selangor. Beliau telah bermula melukis dalam cat minyak sejak dahulu lagi, tetapi beliau berkata bahawa beliau hanya mula melukis dengan bersungguh-sungguh setelah melihat karya-karyanya dan juga hasil kerja pelukis-pelukis lain dipamerkan di Kuala Lumpur.

Melukis di dalam studio kecil di dalam rumah beliau di Kuala Lumpur dengan galakan dan bantuan keluarganya, Zakariah Noor menghasilkan kebanyakan karya beliau dengan menggunakan pisau pelet yang dikatakan dapat menghasilkan gambar yang digubahkan dengan sapuan tangkas warna-warna yang nyata.

Setiap lukisan dihasilkan dengan sapuan bertenaga warna-warna segar, merah muda, biru, kuning dan pelbagai warna hijau yang apabila dilihat memberi kesan cahaya matahari yang menyematkan semua lukisan beliau, sama ada sebuah potret, pemandangan alam, orang, pemandangan pasir ataupun tanah Malaya.

Zakariah Noor adalah seorang pelukis cahaya. Beliau telah memperkembangkan gaya tersendiri yang kini dikenali oleh mereka yang berkunjung ke pameran-pameran di Kuala Lumpur, tempat beliau memamerkan hasil-hasil beliau dan tempat lukisan-lukisan beliau menjadi permintaan.

Beliau adalah satu contoh yang baik daripada pelukis-pelukis muda di Malaya yang kini sedang memperkembangkan bentuk Seni Malaya.

ZAKARIAH NOOR

Born in Penang in 1924, Zakariah Noor moved to Kuala Lumpur in 1948. He started to paint while still in school where he excelled in watercolour. Later, he took up oil painting. His proficient use of the palette-knife with crisp strokes of colour deftly applied to the canvas, resulted in remarkably beautiful compositions, uniquely his own. His love for rich, strong and contrasting colour with excellent play of light, has given life and movement to many of his paintings.

Most of his paintings depict action and movement and are typical of the Malaysian way of life, especially in the rural areas. His ability to capture subjects of the sea and its environment with Malay and Chinese fishing boats, fishermen's huts, landscapes of Malay kampungs and crowded market scenes in the splendour of the morning sun, with the gay assortment of colourful dresses of the multi-racial society going about their daily chores, is commendable.

Zakariah was a founder member and Vice-President of the Angkatan Pelukis SeMalaysia, Vice-President of the Selangor Art Society and various other art societies. He has exhibited in numerous exhibitions organised by the Federal Arts Council, the National Art Gallery and the Selangor Art Society. His paintings are represented at the National Art Gallery and individual and corporate collectors, both locally and overseas.

His paintings have been featured in various publications and two of his paintings were used for the front and back cover of the inaugural issue of *Pelita*, Vol. 1 No. 1, August 1959 (a magazine published by Standard-Vacuum Oil Company, later Esso Standard Malaya Ltd.).

In addition to painting, he also produces excellent handicrafts including woodcarvings and wax models.



AN APPRECIATION OF ZAKARIAH NOOR A MALAYAN IMPRESSIONIST

BY PETER HARRIS (PELITA VOL. 1 NO. 1, 1959)

Malaya is a country of sunshine, of bright colours and strong shadows. The people wear gay coloured clothes and brilliant light fills the landscape. It is the brilliance of colour and diffusion of light that has inspired Zakariah Noor and guided him in his quest to portray in pictorial form the beauty and traditions of Malaya.

Born in Penang, Zakariah Noor was distinguished for his artistic abilities even at school where his art teacher was so impressed that she gave him special lessons from which he greatly benefitted.

When he left school, there being no way for gifted artists to get further training in Malaya he took a correspondence course with the Press Art School of Australia. Apart from this, his skill and ability come wholly from his own determined and regular efforts, his observation of works in local exhibitions, and contact with local artists.

He is a keen and regular member of the Selangor Artists Society. He started oil painting a long time ago but he says it was not until he saw his work and that of other local artists on exhibition in Kuala Lumpur that he started painting in earnest.

Painting in a small studio in his house in Kuala Lumpur where he says his family encourage and help him, often posing for the people in his pictures, Zakariah Noor does most of his work with a palette knife with which he is able to make the crisp strokes of clear colour of which his pictures are composed.


Each picture is built up with virile strokes of fresh colour, pinks, blues, yellows and the whole range of greens which blending in the eye, give the impression of sunlight that infuses all his pictures, whether a portrait, landscape, people, a market scene or a Malayan dance.

Zakariah Noor is a painter of light. He has evolved a personal style which is now recognised by many visitors to exhibitions in Kuala Lumpur, where he now regularly exhibits and where his paintings are coming in demand.

He is a fine example of the many young painters in Malaya who are now developing a Malayan Art form.



ZAKARIAH NOOR



Sesudah Kegelapan, Datangnya Pagi (1968)
After The Shade Arises Morn (1968)

87 x 115 cm

Cat Minyak
Oil on Canvas



Pemandangan Pasar
Market Scene


Cat Minyak
Oil on Canvas



Mandi Safar
Ritual Bath

Koleksi Seni Lukis Negara, K.L. / *Collection of National Art Gallery, K.L.*

Cat Minyak
Oil on Canvas



Perahun perahu (1956)
Boats (1956)

25 x 35 cm


Cat Air
Watercolour on Paper



Membina Perahu (1956)
Boat Construction (1956)

25 x 35 cm


Cat Air
Watercolour on Paper



Kapal Korek (1956)
Dredge (1956)

35 x 50 cm


Cat Air
Watercolour on Paper



Pembinaan Tongkang di Jelutong Timur (1956)
Tongkang Building in East Jelutong (1956)

23 x 30.5 cm


Cat Air
Watercolour on Paper



Warganegara Tua (1956)
Senior Citizen (1956)

21 x 26 cm

Cat. Air
Watercolour on Paper



Pensari I
Dancer I

15 x 10 cm

Cat Air
Watercolour on Paper



Penari 2
Dancer 2

15 x 10 cm

Cat Air
Watercolour on Paper



Pemuzik
Musician

15 x 10 cm

Cat Minyak
Oil on Canvas



Tarian Payung (1992)
Umbrella Dance (1992)

Cat Minyak
oil on Canvas



Menuai Padi (1992)
Harvesting Padi (1992)


Cat Minyak
Oil on Canvas



Nam Benda dengan Bunga-bunga [1992]
Still Life with Roses (1992)

49 x 41.5 cm


Cat minyak
oil on canvas



Joget (1993)
Festival (1993)

46 x 61.5 cm

Cat Mnyak
Oil on Canvas



Pasar Tani (1993)
Agricultural Produce Market (1993)

50 x 42 cm

Cat Minyak
Oil on Canvas

MOHAMMAD HOESSEIN ENAS

Dato' Mohd Hoessein Enas dilahirkan pada tanggal 23 Jun 1924 di Cilindek yang terletak di kawasan lembah Gunung Salak di Bogor, Indonesia. Bapa beliau seorang pembantu perubatan (medical assistant) yang mempunyai hobi melukis dan mengarca. Dengan galakan bapanya, Hoessein telah mula melukar dan melukis sejak berumur enam tahun. Media pertama yang digunakan oleh beliau ialah arang kayu ke atas dinding-dinding, yang membangkitkan kemarahan ibunya. Beliau kemudiannya melukis dengan menggunakan cat air dan berjaya mengondol beberapa buah hadiah di sekolah serta menjadi presiden kelab seni lukis sekolahnya.

Selepas tamat alam persekolahan, beliau cuba mencari nafkah di dalam pelbagai pekerjaan; menjadi pekebun menanam sayur-sayuran, penjual sayur-sayuran dan selepas pertahwinaan dengan seorang seniwati yang cantik, beliau juga pernah menjadi pelakon. Namun, apabila tercetusnya Perang Dunia Kedua, pelakon amatir ini terpaksa mengerjakan tanah semula. Mujurlah pada tahun 1942, seorang pegawai Jepun telah menjumpai cat-cat minyak dan memberikannya kepada Hoessein. Minat beliau terhadap seni telah menarik perhatian seorang pelukis Jepun yang sudi mengajarnya tanpa ganjaran untuk dua jam sehari. Pada akhir tempoh dua tahun, beliau telah menguasai seni melukar benda-benda hidup.

Pada bulan Disember 1947, Hoessein berhijrah ke Singapura, tempat beliau menjadi pengayuh beca dan menjual lukisan-lukisan kepada para pelancong. Tahun berikutnya, beliau berpindah ke Pulau Pinang dengan hasrat menetap sebagai pelukis sepenuh masa. Akan tetapi beliau telah berkenalan dengan Frank Sullivan semasa melukis di Kul Ayer Itam, Pulau Pinang dan dipujuk berpindah ke Kuala Lumpur.

Di sana beliau bertemu dengan ramai pelukis lain termasuk Puan Rosemary Sheppard yang telah mengadakan satu pertunjukan bersama dengan beliau di British Council pada tahun 1949. Pertunjukan ini amat berjaya kerana 23 daripada 24 lukisannya dijual. Reputasi beliau sebagai seorang pelukis telah menjadi mantap dengan serta-merta.

Beliau telah menjadi warganegara Persekutuan Tanah Melayu dan menubuhkan Angkatan Pelukis Semenanjung (APS) pada tahun 1956. Pada tahun 1960, beliau telah memenangi hadiah UNESCO (UNESCO Fellowship) dan hadiah Yayasan Asia (Asian Foundation Grant) untuk mengellingi dunia sambil memerhatikan perkembangan-perkembangan seni dan menemui pelukis-pelukis terkemuka dari pelbagai negara. Semasa beliau berada bersama seorang pelukis potret British selama 6 bulan, beliau telah menghasilkan 27 karya ulung yang kemudiannya dipamerkan di Galeri Cheni, Chelsea, London. Pihak akhbar begitu kagum sehinggakan menggelarkan beliau *The Man with the Golden Arm* (Manusia

yang bertangan emas), gelaran yang berkekalan sejak hari itu.

Beliau seorang yang taat setia kepada sekolah-sekolah akademik realisme dan meminati manusia sebagai insan. Beliau sentiasa cuba menghayati dan merakamkan perasaan dalaman insan yang dilukis olehnya. Pada tahun 1963, Kumpulan Syarikat-Syarikat Shell telah mengamanahkan beliau untuk mencipta 56 buah lukisan. Daripada jumlah ini, 47 dipilih sebagai ilustrasi untuk buku *Malaysians*. Lukisan-lukisan ini menggambarkan rakyat Malaysia daripada pelbagai latar belakang; daripada Yang Di-Pertuan Agong yang pertama hingga kepada penjual sate.

Hoessein telah lama diiktiraf sebagai 'Bapa Seni Lukis Potret Malaysia' dan contoh kepada ramai pelukis potret Melayu yang dididik olehnya. Beliau paling handal dalam seni potret dan catan kehidupan cat minyak serta tidak dapat ditandingi dalam media pastel, salah satu media yang paling sukar digunakan. Beliau melukis pemandangan alam dan juga seni abstrak. Sesungguhnya, beliau pernah menghasilkan beberapa lukisan abstrak yang cemerlang. Namun, ia gagal dalam pelaksanaanannya untuk membenarkan beliau keupasan estetik yang begitu perlu untuk setiap pelukis sejati.

Sebagai penghargaan ke atas sumbangan dan kecermerlangan artistiknya, beliau dimulakan oleh Balai Seni Lukis Negara dengan satu pameran retrospektif, satu penghormatan paling tinggi yang diharapkan oleh seorang pelukis. Beliau dianugerahkan *United State Fellowship* pada tahun 1968 untuk melawat Amerika Syarikat dan kemudiannya pada tahun yang sama, beliau menerima *Colombo Plan Award* untuk melawat ke Australia. Pada tahun 1976 beliau menerima satu lagi *Colombo Plan Award* untuk mengunjungi Australia dan New Zealand.

Pada tahun 1980, beliau menjalani pembedahan pintasan koronari di London dan berhenti melukis untuk tiga tahun. Dato' Hoessein Enas kembali memegang berus, mencalit kanvas dan bermain dengan warna-warna apabila dipujuk oleh Ketua Menten Sarawak, Y.A.B. Tan Sri Dato' Patinggi Abdul Taib Mahmud untuk melukis potretnya dan juga potret isterinya. Sejak itu, beliau terus melukis seperti dahulu. Beliau dilantik kembali sebagai Ahli Lembaga Amanah Balai Seni Lukis Negara sehingga tahun 1989.

Pada tahun Mac 1990, beliau dianugerahkan gelaran 'Pelukis Potret Diraja' oleh Sultan Selangor Darul Ehsan, satu penghargaan dan penghormatan yang setimpal dengan keunggulannya di dalam bidang seni lukis. Setahun kemudian, pada bulan Mac 1991 beliau menerima pingat kebesaran D.P.M.S. yang membawa gelaran Dato' sempena Hari Keputeraan Sultan Selangor. Beliau merupakan pelukis visual

kedua yang diberi penghormatan ini (yang pertama ialah Datuk Tay Hooi Keat).

Tahun 1991 merupakan tahun yang baik lantaran beliau membuat beberapa lawatan ke Pulau Pinang untuk melukis potret-potret tempahan yang dipesan oleh The Art Gallery, Pulau Pinang. Malangnya, menjelang penghujung tahun itu, sakit dada berulang dan beliau terpaksa dihantar ke hospital berkali-kali.

Akhirnya, pada bulan Julai 1992, beliau menjalani pembedahan pintasan yang kedua di Mayo Clinic, Rochester, Minnesota, Amerika Syarikat. Mujurlah pakar bedah beliau juga berjaya mendapat tahu bahawa beliau mempunyai aneurisme aorta abdomen lalu membaikinya sebulan kemudian. Beliau kembali ke Malaysia pada bulan September 1992. Setelah berhenti melukis untuk selama 16 bulan, beliau berasa gembira kerana dapat mula melukis semula lalu menghasilkan lapan karya pastel pada bulan November 1993 yang sempat dimuatkan di dalam buku ini.

Karya-karya beliau pernah direncanakan di dalam akhbar-akhbar tempatan dan antarabangsa dan juga di dalam *The Straits Times Annual*, 1968; *Berita Shell*, Januari 1988, serta *Malaysian Tattler*, Februari 1991. Walaupun beliau telah banyak mendapat penghormatan dan tawaran daripada para presiden, perdana menteri dan raja, Dato' Hoesein Enas masih merendahkan diri dan sentiasa menafikan anggapan bahawa beliau sudah berada di kemuncak kejayaannya dengan berkata, "Saya masih mendaki dan akan sentiasa mendaki". Sememangnya beliau seorang yang mulia.

PERNYATAAN PELUKIS

Semasa saya memulakan karya baru saya sebagai seorang pelukis, saya menumpukan banyak masa untuk mempertimbangkan subjek lukisan saya. Saya merenunginya, saya mengertikannya dan saya memikir tentangnya kerana saya sentiasa bertujuan "mendalami" dan bukan sekadar "memerhati" sesuatu subjek itu. Saya cuba dengan bersungguh-sungguh untuk mencipta "orang yang benar" di dalam sesuatu media, menggabungkan visi dengan emosi. Untuk kreativiti mencapai tahap kecemerlangan yang tertinggi, hati dan fikiran mestilah satu, diselaraskan secara harmonis, sementara masing-masing memainkan peranan dirinya. Salinan sebuah gambar bukannya seni sungguhpun fotografi berupaya membuat salinan yang baik dan tepat. Ia melihatkan tetapi jarang melihatkan ke dalam sesuatu subjek.

Walaupun pengalaman merupakan guru yang paling hebat dan tekun buat diri saya, namun

kehidupan bertuahlah yang memberikan dan telah memberikan saya tekad yang tiada tolok bandingnya serta minat untuk belajar - dan terus belajar. Saya bersyukur kepada Allah Azawajalla kerana membekalkan saya dengan bakat dan kemudiannya memberi ilham kepada saya untuk menggunakannya. PimpinanNya yang berterusan telah memenuhi saya dengan kepuasan peribadi yang mendalam, dan kebanggaan untuk melaksanakan perkara-perkara yang kalau tanpa pimpinanNya, tidak dapat saya lakukan.

Pelukis yang hebat tidak semestinya cendekiawan tetapi yang lebih penting beliau mesti mempunyai kejujuran yang sepenuhnya: beliau mestilah tulus ikhlas supaya beliau akan sentiasa perseptif dan inovatif. Saya tidak percaya bahawa seseorangnya terdapat hukum-hukum yang ketat, undang-undang dan peraturan-peraturan untuk cara melukis. Teknik-teknik dan pelaksanaan boleh diajar tetapi dalam erti kata yang lebih luas, seni sebenarnya bakat semulajadi. Umpamanya, seorang tidak dapat mengajar seseorang untuk mendapat I.O. yang tinggi - ia wujud atau tidak. Saya sendiri tidak mempunyai pendidikan formal dalam lukisan - Saya bermula dengan membersihkan berus-berus guru saya. Ia hanya berkembang di dalam batin saya.

Saya tidak mempunyai falsafah yang tetap dan juga tidak mengikuti sebarang sekolah ataupun mencontohi sebarang "isme". Saya hanya membiarkan berus saya bersuara supaya lukisan saya akan menjadi satu puncak visual kepuasan emosional saya dan realisasi sentimental. Ini pula merupakan daya penggerak saya.

Sebagai seorang pelukis potret, saya berasa perlu untuk mentafsirkan sifat-sifat subjek yang suryi, tersembunyi dan tidak nyata, untuk menyelidiki kecerahan jika ada dan untuk menganalisis serta menghidupkan emosi dan fikiran tersembunyi yang terletak di bawah permukaan. Matlamat serta tujuan saya adalah untuk mencari unsur-unsur tersebut. Potret yang baik adalah lebih daripada satu salinan - itu terlalu mudah - tetapi satu manifestasi sifat sebenar sesuatu subjek.

Usaha, penggunaan dan kebaktian terhadap kesempurnaan adalah bahan-bahan untuk penghasilan satu karya, yang setelah selesai mewakili detik sejenak dalam pengabdian. Demikianlah garjangan dan kerinahan seorang pelukis.

Tetapi kegembiraan akan sentiasa ada dan detik paling gembira bagi saya adalah sentiasa, dan akan sentiasa, semasa saya berkongsi apa yang saya anggap sebagai rahmat Allah dengan mereka yang menghargainya, dapat memahaminya serta menghayatinya.

MOHAMMAD HOESSEIN ENAS

Dato' Mohd Hoessein Enas was born on June 23, 1924 in Glindek, an impressive valley of Gunung Salak in Bogor, Indonesia. His father was a medical assistant whose hobbies included painting and sculpture. With his father's encouragement, the young Hoessein started sketching and drawing since he was six. His first medium was fire charcoal on walls, which enraged his mother to no end. Later, he painted watercolours, winning several prizes at school and became the president of the school art club.

After school, he tried various jobs, farming and growing vegetables, selling vegetables and after his marriage to a pretty actress, he even turned to acting. However, World War II came and the amateur actor had to return to tilling the soil. Fortunately, in 1942, a Japanese officer found some oil paints and presented them to Hoessein. His enthusiasm for art impressed a Japanese artist sufficiently to coach him without any remuneration for two long hours daily. At the end of two years, he had mastered the art of sketching from life.

In December 1947, Hoessein migrated to Singapore, where he became a trishaw rider and sold his paintings to tourists. The next year he moved to Penang with the intention of settling down as a full-time artist. Unfortunately for Penang, he was spotted by Frank Sullivan while painting at Ayer Itam Temple in Penang and was persuaded to move to Kuala Lumpur. There he met many other artists including Mrs Rosemary Sheppard with whom he had a joint show at the British Council in 1949. The show was a tremendous success as 23 of his 24 paintings were sold. His reputation as an artist was instantly established.

In 1956, he became a citizen of the Federation of Malaya, and in that same year, he formed the Angkatan Pelukis Semenanjung (or The Peninsular Artists Force). In 1960, he won a UNESCO Fellowship and an Asia Foundation Grant for a year's study tour round the world to observe art developments and meet prominent artists of various countries. During his 6-month attachment with a famous British portrait painter, he produced 27 masterpieces which were subsequently exhibited at the Chenil Gallery in Chelsea, London. The newspapers were so impressed that they called him 'The Man With the Golden Arm', a title he had been stuck with ever since.

Unswervingly loyal to the school of academic realism and being interested in people as human beings, he tries to capture the innermost feelings of those people whom he painted. In 1963, he was commissioned by the Shell Group of Companies to create 56 paintings, of which 47 were used as illustrations for their book, 'Malaysians'. The paintings depicted people from all walks of life, ranging from the first-elected king to the ubiquitous satay-seller.

Hoessein has long been regarded as the Father of Malaysian Portrait Painting and mentor to the many young Malay portrait artists whose talents he carefully nurtured. He is the leading exponent of portraiture and genre painting in oils, and without equal in pastel, one of the most, if not the most challenging media to work with. He paints landscapes as well and even abstract art. Indeed, he had done several excellent abstract paintings, but they fail to produce for him in execution the aesthetic satisfaction that is so vital to every true artist.

In recognition of his artistic excellence and contributions, he was honoured by the National Art Gallery in 1966 with a retrospective exhibition, the highest accolade any artist can hope to be accorded with. He was awarded a United States Fellowship in 1968 to tour U.S.A. and later the same year he received a Colombo Plan Award to visit Australia. In 1976, he received another Colombo Plan Award to visit Australia and New Zealand.

In 1980, he underwent a coronary bypass operation in London and laid off painting for three years. Fortunately in 1983, he was persuaded by Y.A.B. Tan Sri Dato' Patnggi Abdul Taib Mahmud, Chief Minister of Sarawak to paint his portrait as well as his wife's. Since then, there was no looking back and he painted with a passion as before. He resumed his post as a member of the board of the National Art Gallery until 1989.

In March 1990, he was conferred the title of Royal Portrait Painter by His Majesty the Sultan of Selangor, a fitting honour and appreciation of his unsurpassed mastery with brush and paint. Exactly one year later, in March 1991, he was made a Dato' on the occasion of His Majesty, the Sultan of Selangor's Birthday, and thus became the second visual artist to be so honoured (the first being Datuk Tay Hooi Keat).

1991 was a pleasant year for him as he made several visits to Penang to paint portraits commissioned by The Art Gallery, Penang. Unfortunately, towards the end of the year, his chest pain recurred and he had to be hospitalised repeatedly.

Eventually, in July 1992, he went for his second by-pass operation at the Mayo Clinic, Rochester, Minnesota, USA. Fortunately, the surgeon also discovered that he had an abdominal aortic aneurysm and repaired it one month later. He returned to Malaysia in September 1992 and had a prolonged convalescence. After laying off painting for 16 months, he was extremely pleased that he was able to start painting again, and produced eight pastels in November 1993, just in time to be included in this book.

His works have been featured in local and international press as well as Straits Times Annual, 1968; Berita Shell, January 1983; and Malaysian Tatler, February 1991. Despite all his honours and commissions from presidents, prime ministers and kings, Dato' Hoesein Enas is still the same person who dismissed the notion that he has reached the peak of his career by saying, "I am still climbing, and will always be climbing." Truly, this is a mark of a great man.

STATEMENT BY THE ARTIST

As I approach my work as an artist, I devote much time to the careful consideration of my subject. I contemplate, I conceptualize, I ponder for I always aim to "look into" rather than "look at" a subject. I do my utmost to create the "real person" in the medium, melding vision with emotion. For creativity to attain its highest level of excellent the heart and mind must be one, harmoniously synchronised, whilst each plays its own part. Simple duplication of a likeness is hardly art: modern photography is capable of excellence and accurate reproduction. It sees, however, but rarely sees into a subject.

Whilst experience has been my greatest and most assiduous teacher, it is blessed life itself which gave me, and has given me, the immeasurable and unquantifiable will and enthusiasm to learn - and keep on learning. I give thanks to Almighty God, the Most Generous,

for first equipping me with my talent and for then inspiring me to use it. His continuous guidance has filled me with a deep personal satisfaction, and a pride in being able to accomplish things which, without that guidance, I should not have been able to accomplish.

A great artist need not be an intellectual but, above all, he must possess total integrity: he must be candid and open so that he can always be perceptive and innovative. I do not believe that there should be any strict laws, rules or regulations on how to paint. Techniques and execution can, of course, be taught but, in its broadest sense, art is intrinsically a natural gift. One cannot, for instance, teach people how to have a high I.Q. - it is there or it is not. I, myself, had no formal education in painting - I started humbly, cleaning brushes for a teacher! - It just developed from within.

I do not have any set philosophy on Art, nor indeed do I follow any school, nor subscribe to any "isms". I simply let my brushes speak so that my painting is at once a visual culmination of my emotional contentment and sentimental realisation. These, in turn, is my motivation.

More specifically as a portrait painter I feel the need to interpret the silent, latent, and unstated characteristics of a subject, to explore serenity if it be there, to analyse and bring to life hidden emotions and thoughts which lie waiting beneath the surface. My task, my goal, is to seek them out. A good portrait is far from a simple likeness - that would be easy - but a delicate searching, manifestation of the character of a subject.

Hard work, application and a dedication to perfection are all ingredients to the production of a work which, when completed, represents but a fleeting moment in the timelessness of eternity. Such are the rewards and such are the tribulations of the artist.

But happiness there always is and my own happiest moments have always been, and always will be, when I can share what I believe to be a God-given gift with those who can appreciate it, can understand it and can derive pleasure from it.

SENI UNTUK HIDUP DAN HIDUP UNTUK SENI

oleh Ooi Kok Chuen

Selain wajah yang sedikit pucat dan pengurangan berat badan, tiada banyak alamat yang menunjukkan bahawa Dato' Hoessein Enas, perintis seni lukis serta pelukis potret Diraja yang pertama, berasa kurang sihat. Sejak bulan Ogos yang lalu, beliau sering keluar masuk hospital, pertamanya Pantai Medical Centre dan kemudiannya Hospital Besar Kuala Lumpur. Selepas itu datanglah berita yang mendahsyatkan hatinya, beliau terpaksa menjalani pembedahan jantung yang kedua. Lalu satu temu janji pun ditetapkan di Mayo Clinic di Rochester, Minnesota pada akhir bulan ini. Beliau akan berusia 68 tahun pada tanggal 23 Jun ini.

Berita buruk itu menyiksa beliau, menyebabkannya beresah-resah dan menghidupkan kenangan-kenangan pembedahan pintasan jantungnya di Harley Street Clinic, London pada bulan Julai 1980. Setelah pembedahan itu, beliau berhenti melukis untuk selama tiga tahun. Kini, beliau teragak-agak sama ada untuk menjalani pembedahan atau tidak.

"Doktor-doktor berkata bahawa saya perlu. Tetapi saya tidak boleh terus keluar masuk hospital dan selalu makan ubat," kata Hoessein ketika berada di dalam studionya di rumah banglo Bukit Damansaranya.

Tiga keping kanvas yang terletak di kekuda, dua berbingkai termasuk satu yang telah disiapkan, menunjukkan yang beliau masih terus melukis walaupun kerap berasa lesu dan alah kepada turpentin dan pencair. Sungguhpun keadaannya demikian, Hoessein masih lagi peramah dan becok mulut seperti biasa, membuat gerak isyarat untuk menitikberatkan hujah-hujahnya. Batu bulan di atas cincinnya masih tetap di jarinya tetapi apa yang jelasnya hilang ialah paip rokoknya yang seakan-akan trademarnya.

Beliau telah melulus tabiat merokok sejak tahun 1948 yang jelas kelihatan pada potret dirinya pada tahun itu kendatipun ketika itu beliau bekerja sebagai pengayuh beca di Singapura. Namun lantaran jantungnya lemah, beliau terpaksa berhenti merokok, tidak terlampau menggunakan tenaga dan juga kena menjaga dietnya.

Seperti yang sering dikatakan oleh beliau, "Melukis bukan sahaja satu kesantiaian tetapi satu keperluan. Saya tidak dapat membayangkan kehidupan saya tanpa melukis."

Semenjak beliau diberi cat minyaknya yang



pertama oleh seorang pegawai keselamatan Jepun dan melukis tempahan potret di Kuala Lumpur tujuh tahun kemudian, Hoessein terus diminta melukis potret kerabat diraja dan tokoh-tokoh yang terkenal dan berpengaruh di kedua-dua belah Selat Melaka.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, Almarhum Bekas Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman, Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Dato' Patinggi Tab Mahmud dan keluarga, bekas Ketua Menteri Sabah Tun Mustapha, Presiden Indonesia Suharto dan Tun Adam Malik adalah di antara klien beliau yang amat berpuas hati. Beliau telah menghasilkan potret-potret Sultan Selangor sejak pertabalan baginda pada tahun 1963. Pada bulan Mac 1990, Sultan Selangor telah menganugerahkan gelaran Pelukis Potret Diraja dan pada tahun berikut mengurniakan beliau Pingat Kebebasan D.P.M.S. yang membawa gelaran Dato'. Beliau merupakan pelukis kedua yang diberi gelaran Dato', selepas Mendiang Tay Hooi Keat.

Catan *Morning Glory* (1966) yang menggambarkan kerbau-kerbau di sawah padi mencerminkan ekonomi Malaysia yang berasaskan pertanian sebelum pembelakangan industri dan teknologi pada akhir tahun-tahun 70-an serta 80-an. Tetapi Hoessein lebih terkenal untuk catan gadis-gadis Melayu ayu, dalam kebaya atau batik sarung mereka, dilukis dengan gaya separuh badan,

sepenuh tubuh ataupun dengan tirai belakang seperti ladang tembakau, sawah padi, air terjun mahupun rumah kampung.

Wanita dalam lukisan beliau kelihatan menawan serta mempunyai daya menarik yang suci dan tradisional. Lukisan sebegini menampilkan kesegaran serta kejelasan tarikan wanita dalam gaya yang membolehkan kita menghayatinya dalam cara yang berolok-olok dan bukannya cara yang memberahikan. Lukisan-lukisan ini mungkin juga mencerminkan suatu masa, walaupun diolah sedikit secara romantik, ketika segala-galanya kurang rumit dan seseorang dapat temenung sahaja di bawah pepohon kelapa (tentu sekali tidak seperti Mat Jenin) ataupun mandi di dalam sungai dan tidak di dalam bilik mandi hujan. Siapakah yang dapat melupakan catatan anak dara beliau dengan pelepas simbolik padi kuning masak di tangan yang dicetak sebagai setem dalam peringkat nilai 15 sen dan 75 sen?

Karya-karya beliau mungkin mempunyai sedikit unsur pelukis-pelukis Indonesia seperti Raden Salleh, Basuki Abdullah dan Affandi. Namun Hoesein selama-lamanya berusaha untuk melewati peniruan fotografik dan mendalami subjek-subjek serta senyuman di mata. Beliau sebaik-baiknya mahukan model wanitanya bergaya secara semulajadi umpamanya baru bangun tidur, rambutnya sedikit kusut dan baju malamnya belum dibetulkan serta wajahnya segar seperti embun pagi.

Anda dapat menatap penggambaran wanitanya dalam catatan *Aziah* (1966), *Rahsia Kecil Dua Beradik* (1968), *Melior* (1966), *Kecantikan* (1966, dalam media pastel), *Chamel* (1966, pastel), dan *Pengantin Iban* (1963) - satu catatan daripada sejumlah 14 buah lukisannya dalam koleksi Balai Seni Lukis Negara. Lukisan *Embun Pagi I* yang memperlihatkan seorang gadis Iban yang sedang bermandi dilukis pada tahun 1987 daripada satu lakaran yang dibuat oleh beliau di Kuching pada tahun 1963. Lukisan itu diminati ramai. Ini mengilhamkan satu siri catatan sebegini yang memaparkan lebih banyak gadis yang bermandi dengan sarung mereka terlekat kepada susuk tubuh lalu menampilkan potongan badan. Lukisan siri ini juga membeni tumpuan kepada keheningan air yang begitu tenang. Salah satu daripada catannya yang berada di kedua ialah *Embun Pagi V*. Sekarang fokus kita beralih daripada Hoesein, Bapa Seni Potret Malaysia yang anggun dan halus berbudi bahasa kepada potret 1948nya yang menunjukkan sifat-sifatnya yang tahan lasak serta mampu menempuh hidup yang jerih payah dan penuh dengan pengalaman yang mendebarakan.

Dilahirkan di Cilendek, Bogor di Jawa Barat, Hoesein adalah anak lelaki kedua di dalam keluarga yang terdiri daripada 13 adik-beradik. Ayah Hoesein, Enas Atap bekerja sebagai seorang Pembantu Perubatan dan juga seorang pelukis amatir. Kehidupan Hoesein seperti satu novel - mempunyai percintaan, "adventure", suspen dan takdir yang menggembirakan - sebahagiannya kerana seninya. Semasa revolusi Indonesia pada tahun 1947, beliau hampir-hampir mati kerana penderhidatan akibat ditahan oleh pasukan tentera Batak L.P. (Legiun Penggempur) di Pulau Rakyat lantaran dituduh sebagai pesik. Beliau ditanam di dalam pasir sedalam bahunya dan matahari memancar terik ke mukanya.

"Saya begitu dahaga sehinggakan terpaksa minum air kencing askar Batak," kata beliau lebih dalam nada kelucuan daripada perasaan marah.

Mujurlah berlakunya pertukaran dalam pegawai pemerintah dan ketua baru ini mengenali Hoesein kerana karikatur kartunnya lalu beliau dilepaskan. Sebelum itu beliau berjaya melarikan diri daripada cengkaman tentera NICA (Tentera Belanda Bersekutu) dengan bantuan seorang rakan yang juga bekerja dengan NICA lalu beliau menuju ke Tenggara. Beliau terpaksa melarikan dirinya walaupun isterinya, Siti Zaharah Shafiee, seorang bekas pelakon Acheh, baru sahaja melahirkan cahaya mata keempat mereka, Zuryadha.

Masa-masa itu merupakan zaman yang bergelora dengan pasukan-pasukan tentera seperti TKR (Tentera Keamanan Rakyat), PNI, PKI, Mahsumi dan Pasindo yang masing-masing berjuang demi mempertahankan kemerdekaan Indonesia. Dari Rantau Perapat beliau menuju ke Labuhan Blik dengan bot dan di bawah ALRI (Angkatan Laut Republik Indonesia yang hanya terdiri daripada motorbot dan sampan) beliau dijadikan Kapten kepada Kanton Wedana. Lantaran latar belakangnya dalam seni dan pengalamannya bekerja sebagai pelukis stensil (di firma Belanda *Ruys Handelsuereening* ketika beliau berada di Medan dari tahun 1938-1940) beliau diberikan tugas mencipta beberapa bentuk wang kertas. Dengan menggunakan stensil Roneo, beliau mencetak wang kertas yang dipanggil OERLAB (Oang Republik Labuhan Blik) untuk Labuhan Blik dalam matawang 100, 500, 1000 dan 5000 rupiah. Ini merupakan matawang tunggal yang sah di situ dan semua matawang lain termasuk rupiah Indonesia dilarang penggunaannya sama sekali.

Kemudiannya beliau diberikan kebenaran untuk pergi ke Singapura atas alasan mencari mesin

pencetak wang kertas yang lebih baik tetapi tongkangnya dilanda angin ribut dan dibawa arus laut selama dua hari sebelum sampai di Beachroad, Singapura pada Hari Natal tahun 1947. Di sana beliau telah bertemu dengan seorang rakan senegarannya dari Jawa. Samaan yang pernah dibawa ke Burma untuk membina Landasan Keretapi Maut dan kini sedang bekerja di Singapura sebagai seorang pengayuh beca. Mereka bergiliran untuk mengayuh beca. Akan tetapi, Hoessein telah mula menggunakan bakatnya untuk memperoleh wang sebanyak \$1 hingga \$2.50 untuk karya pastelnya yang menggambarkan Pelabuhan Raffles. Dalam masa tiga minggu, beliau berjaya mengumpul wang sejumlah \$130. Beliau membuat rancangan untuk pulang ke Indonesia dengan bot laju dari Pelabuhan Klang tetapi bot mereka terpaksa berpatah balik kerana dikejutkan blokade Belanda lalu Hoessein pun pulang ke tempat penempatannya yang dahulu di Dunlop Street, Pulau Pinang. Di sana beliau telah berkenalan dengan seorang rakan pelukis yang mengetahui kehadiran isteri Hoessein. Mereka (Hoessein dan isteri) telah dipisahkan selama dua tahun. Kemudian Hoessein telah menguruskan kedatangan isteri dan empat orang anaknya pada bulan November 1948.

Beliau "hanya mempunyai sembilan orang anak" - Aida [Siti Zubaydah], Yusof, Yuswar, Zuraydah, Taty, Suryana, Tuty Surmarni, Sulastri dan anak bongsunya Yunizar, seorang penyanyi. Pada suatu ketika, Aida turut menunjukkan minat dalam lukisan potret dan seakan-akan mengikuti jejak langkah ayahnya.

Hoessein telah berkenalan dengan Frank Sullivan yang pada masa itu seorang wartawan Malayan Tribune dan kemudiannya Press Secretary (Setiausaha Akhbar) Tunku Abdul Rahman. Frank Sullivan telah memujuk Hoessein supaya berhijrah ke Kuala Lumpur. Dengan bantuan Abdullah Hussein, abang pelukis terkenal Ibrahim Hussein, beliau telah mengadakan pameran solonya yang pertama di British Council di Jalan Young (Jalan Cenderasari) pada tahun 1948. Kesemua 21 buah lukisan Hoessein yang dipamerkan laku dijual tetapi malangnya 'pengurus' pameran itu Abdul Ghani telah melarikan wangnya.

Hoessein berpindah ke Kuala Lumpur pada tahun 1950 dan tinggal di Jalan Hamzah, Kampung Baru dan kemudiannya di Jalan Watson. Beliau berkhidmat sebagai Ketua Pelukis di Unit Filem Malaya di Jalan Bangsar untuk dua tahun dan kemudiannya di Progress Advertising untuk lapan bulan sebelum menjadi pelukis penyelidikan di Jabatan Muzium dan Penyelidikan Orang Asli. Beliau merupakan Ketua Rekabentuk dan Pementasan di Radio Televisyen Malaysia semasa beliau bersara pada tahun 1979. Hoessein senantiasa dinominikan dengan Majlis Kesenian Melayu (kemudiannya Angkatan Pelukis SeMalaysia) yang ditubuhkan oleh beliau pada tahun 1956 yakni tahun beliau diberikan kewarganegaraan persekutuan. Beliau mengetahui persatuan ini sehingga tahun 1963 dan kemudiannya bertugas sebagai penasihatnya. APS, yang ditubuhkan dengan matlamat yang serupa dengan Angkatan Seni Rupa Indonesia (ALRI) yang diasaskan oleh beliau di Medan pada tahun 1944, merupakan salah satu daripada pelopor nasionalisme Melayu bersama saudaranya ASAS '50 yang ahli-ahlinya termasuk golongan Melayu yang berpendidikan baru seperti Idris Salam, Zakariah Noor, Thamby Abdullah, Cikgu Harun, Cikgu Yusuf, Cikgu Mahmud, Hussin Kamal dan Cik Habibah Manan.

Pada tahun 1960, Hoessein menerima UNESCO fellowship dan Asia Foundation Grant untuk mengelilingi dunia selama setahun dan pada tahun 1968, beliau telah melawat ke Amerika Syarikat di bawah *US Fellowship Award* dan ke Australia di bawah *Colombo Plan Award*. Pada tahun 1963, 56 buah lukisan beliau diterbitkan dalam sebuah buku mengenai Malaysia. Salah satu kemuncak penghargaan seninya adalah ketika beliau dimulikan dengan satu Pameran Retrospektif yang dianjurkan oleh Balai Seni Lukis Negara pada tahun 1966. Pada masa itu, 100 karyanya dalam media cat minyak dan pastel yang merangkumi dua dekad, dipamerkan. Bagi Hoessein, lukisan potret munculnya dari cinta semula jadinya kepada manusia dan catan.

Seperti yang dikatakan oleh beliau kepada Frank Sullivan pada tahun 1963: "Jika anda mahu menjadi pelukis, seni anda mestilah dijadikan hidup anda dan hidup anda mestilah dijadikan seni anda."

ART OF LIFE AND LIFE OF ART

Story by Ooi Kok Chuen

Apart from the slight pallor on his face and a loss of weight, there are few signs that Datuk Hoessein Enas, pioneer Malaysian artist and first royal portrait painter, is not well. Since last August, Hoessein has been in and out of hospital, first Pantai Medical Centre and then the Kuala Lumpur General Hospital. Then came the news he dreaded most: he has to go for his second heart operation. An appointment has been made at the Mayo Clinic in Rochester, Minnesota in the United States for late this month. He will be 68 on June 23.

The news torments him, curdling up eddies of restlessness in his heart and reviving memories of his heart bypass operation at the Harley Street Clinic in London in July 1980, after which he stopped painting for nearly three years. Hoessein is in two minds whether to go.

"The doctors said I have to. I can't go on taking the medication and going in and out of hospitals," confides Hoessein in his studio in his Bukit Damansara bungalow.

Three canvases propped on the easels, two framed including one completed, show that he has continued to paint despite his lapses of lethargy and his allergy to turpentine and thinner. Despite his condition, Hoessein is his genial and voluble self, gesticulating to emphasise a point. The moonstone on his ring finger is still there but conspicuously missing is his trademark smoking pipe.

He had developed the habit since 1948 as evidenced by a self-portrait that year though he was then eking a living as a trisha-peddler in Singapore. But his weak heart means no smoking, no over-exertion, and watching the diet.

As he has often said: "Painting is not only a great relaxation but a necessity. I can't imagine my life without painting."

Since he was given his first oil paints by a Japanese security officer in 1942, and painted his first portrait commission in Kuala Lumpur seven years later, Hoessein has gone on to paint members of the royalty, the powerful and famous on both sides of the Straits of Malacca.

Prime Minister Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, the late former Prime Minister Tunku Abdul

